


BAB TUJUH

BUDAYA POLITIK WANITA DAN LELAKI

Bidang politik selalu dikaitkan dengan bidang kelakian. Tingkahlaku dalam politik sebagaimana yang difahami merangkumi kelakuan-kelakuan yang bersifat autonomi, tegas dan bersikap agresif. Dengan pemahaman ini, apabila kaum wanita Melayu bersifat agresif dan *autonomous* akan dipandang serong oleh masyarakat. Adakah ahli politik wanita seharusnya bersikap atau berkelakuan tidak sama dengan lelaki dalam politik? Kajian-kajian yang dijalankan di negara-negara sebelah Scandinavia yang mempunyai bilangan kaum wanita lebih ramai memegang jawatan tinggi dalam kerajaan, menunjukkan bahawa memang ada perbezaan dari segi kelakuan dan sikap ahli politik wanita dalam bidang politik berbanding dengan lelaki.

Bab tiga dengan jelas memberi gambaran tentang pengaruh budaya masyarakat Melayu terhadap politik. Oleh itu, sesuai dengan konsep tersebut, maka bab tujuh akan cuba melihat sikap dan tingkahlaku politik wanita dan hubungannya dengan perkembangan penyertaan wanita dalam bidang politik. Apa yang ingin dibuktikan di sini ialah budaya masyarakat Melayu mempengaruhi hubungan gender dan memainkan peranan yang besar dalam mencorak budaya berpolitik lelaki dan wanita dalam kajian kes ini. Rajah 7.1 memberi gambaran tentang konsep yang digunakan dalam penulisan bab ini.

Rajah 7.1. Kerangka Teori Penghuraian Bab Tujuh



Sumber: Kajian Penulis (2000)

Menurut Devaki Krishnan (1994), kesedaran politik di kalangan wanita bergantung kepada kedudukan dan status mereka dalam masyarakat.¹ Sampel dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang. Ada yang boleh dikategorikan berpendapatan tinggi atau yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti surirumah. Toh Kin Woon dan Surin Leong (1994) menjelaskan bilangan wanita dalam kedudukan di peringkat membuat keputusan tidak boleh mencerminkan bahawa kesedaran politik di kalangan mereka sudah meningkat.² Sebaliknya jumlah ahli dalam parti serta aktiviti-aktiviti yang dilakukan di samping pendekatan politik mereka sebagai lebih utama. Memang ada bukti yang menunjukkan kesedaran wanita terhadap politik semakin meningkat. Antara faktor kejayaan UMNO dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas

¹ Devaki Krishnan, "Religion and Culture: Prohibitive Factors For Women's Participation in Politics", m.s. 61.

² Toh Kin Woon & Surin Leong, "Ethnicity, Political Awareness and Participation", dalam Robert Haas dan Rahmah Hashim (pnyt), **Malaysian Women: Creating Their Political Awareness**, Kuala Lumpur, Asian Institute for Development Communication, 1994, m.s. 82.

ialah hasil gerak kerja bersungguh-sungguh daripada ahli-ahli wanita.³ Semasa proses pilihanraya, kaum wanita merupakan golongan yang paling sibuk melobi dari rumah ke rumah, membuat penerangan dan berdebat untuk mempengaruhi anggota masyarakat supaya mengundi parti mereka.

7.1. Kegiatan berpolitik

Penglibatan kaum wanita di dalam politik memerlukan pengorbanan yang besar dari segi pembahagian masa, keluarga dan wang. Seperti dalam penemuan kajian ini, masa merupakan halangan yang paling kritikal bagi wanita berkeluarga untuk terlibat dalam politik. Oleh itu wanita berpolitik harus bijak membahagikan masa di antara kerjaya politik dan keluarga.

Masa untuk mengimbangi kerja-kerja domestik dan karier politik sangat terhad. Pelbagai langkah diambil bagi memastikan agar keluarga tetap mendapat perhatian yang sewajarnya walaupun sibuk dengan aktiviti politik. Kebanyakan ahli politik wanita terutama wakil rakyat dan senator mempunyai pembantu rumah untuk menguruskan keperluan rumah tangga mereka. YB Napsiah Omar berterima kasih dengan kehadiran pembantu rumah yang menolong menyediakan keperluan keluarganya. Sebagai seorang ibu tunggal, tanggungjawab beliau untuk menguruskan keluarga dan anak-anak lebih berat. Begitu juga dengan ahli politik wanita daripada Sarawak iaitu YB Rohani Karim. Sebagai ibu tunggal, tugas untuk menguruskan keluarga dan anak-anak di samping kerjaya politik yang baru bermula menyebabkan beliau bergantung kepada ibunya. Lagi

³ Ibid.

pula beliau berpendapat seorang ahli politik wanita bukan sahaja memerlukan bantuan fizikal tetapi juga sokongan moral untuk terus bertahan.

Kebanyakan ahli politik wanita menekankan tentang kepentingan sokongan dan kerjasama daripada suami bagi membolehkan mereka bergiat cergas dalam politik. Ini kerana mereka memerlukan pertolongan suami untuk menguruskan rumah tangga. Atas dasar toleransi dan kefahaman yang tinggi daripada suami, maka beban tugas sebagai seorang ahli politik wanita yang berkeluarga menjadi ringan. Namun tidak dinafikan pada peringkat awal terdapat masalah untuk menyesuaikan ahli keluarga dengan perubahan hidup sebagai wakil rakyat.

Sebahagian ahli politik wanita mendakwa mereka lebih senang menguruskan sendiri hal ehwal rumah tangga daripada bergantung kepada orang lain. Walaupun sibuk berpolitik tetapi tugas seorang wanita sebagai ibu dan isteri tetap dijalankan terutama mengenai pendidikan anak-anak.

Suami saya memang ada ekspektasi bahawa saya mesti menjaga rumah tangga tetapi kadang-kadang kami saling tololong menolong. Bagaimanapun saya sendiri yang akan siapkan keperluan untuk suami saya seperti makan dan sebagainya.⁴

Walau bagaimana sibuk sekalipun dengan aktiviti politik tetapi kami tetap luangkan masa untuk pendidikan anak-anak.⁵

Walaupun kerjaya politik ini terutama kerja-kerja parti banyak dan tidak menentu tapi saya akan pastikan keperluan suami dan terutama pendidikan anak-anak, saya sendiri yang kendalikan.⁶

⁴ Temubual dengan YB Sharifah Noli di Parlimen pada 12 April 2000.

⁵ Temubual dengan Puan Wan Hasrina di Markas PAS Ampang Jaya pada 12 Julai 2000.

⁶ Temubual dengan Puan Mariam Tahir di Wisma Daruliman, Kuala Terengganu pada 26 Julai 2000.

Bagi ahli politik lelaki pula, mereka bergantung kepada isteri untuk menguruskan hal keluarga. Ada yang mempunyai pembantu rumah untuk menolong isteri dengan kerja-kerja domestik. Terdapat juga di antara isteri mereka yang sanggup berhenti kerja untuk menguruskan keluarga kerana suami mereka sibuk. Menurut YB Khamsiah Yeop,

Setelah melibatkan diri secara serius dalam politik, suami saya telah mengambil pilihan untuk bersara dan memantau segala kegiatan politik saya, bahkan beliau juga yang menjadi penasihat dan ‘bodyguard’ saya dalam setiap aktiviti politik.⁷

Jadual 7.2 menunjukkan 53.0% responden wanita dalam kajian ini mengakui bahawa urusan rumahtangga dan penyediaan keperluan ahli keluarga dilakukan sendiri walaupun sibuk dengan aktiviti politik. Mereka percaya walaupun suami memberi kebebasan untuk bergiat aktif dalam politik tetapi peranan utama seorang wanita ialah menjaga kebajikan keluarga. Menurut Senator Hunaizah, sepanjang pembabitannya dalam politik, keperluan untuk suami terlebih dahulu disediakan sebelum keluar berpolitik. Bagi sesetengah ahli politik wanita yang tidak mempunyai pembantu rumah, mereka sendiri menguruskan rumahtangga. Terdapat juga 5.2% responden wanita yang menyerahkan tugas menguruskan hal-hal rumahtangga kepada pembantu rumah. Majoriti yang mempunyai pembantu rumah ini berpendapatan di antara RM 3000 keatas. Pendapatan yang sedemikian memungkinkan golongan ini untuk menggunakan khidmat pembantu rumah. Terdapat juga 27.6% responden wanita yang mengharapkan pertolongan daripada suami masing-masing untuk menguruskan rumahtangga apabila mereka keluar berpolitik.

⁷ Temubual dengan YB Khamsiah Yeop di Parlimen pada 13 April 2000.

Jadual 7.1: Tugas Menguruskan Rumahtangga

ORANG YANG MENGURUSKAN KEPERLUAN KELUARGA APABILA TUAN/PUAN KELUAR BERPOLITIK	% PEREMPUAN	% LELAKI	% JUMLAH
PEMBANTU RUMAH	5.2	6.6	5.9
IBU	8.2	14.7	10.5
ISTERI/SUAMI	27.6	49.3	39.2
ADIK BERADIK	3.0	1.5	2.2
SAUDARA MARA	1.5	1.5	1.5
JIRAN TETANGGA	1.5	1.5	1.5
ANDA SENDIRI	53.0	25.0	39.7
JUMLAH	100.0	100.0	100.0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian mengenai responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan.

Bagi responden lelaki pula, 36.8% daripada mereka mengharapkan isteri untuk menguruskan rumahtangga. Manakala 14.7% lagi bergantung kepada ibu dan 25.0% yang lain menguruskannya sendiri. Daripada jumlah 25.0% itu, 14.0% adalah responden lelaki yang belum berkahwin. Ini bermakna 11.0% responden lelaki yang aktif berpolitik turut membantu isteri mereka menguruskan rumahtangga.

Kerjaya politik sememangnya memerlukan ahli-ahlinya menumpu tenaga dan masa untuk menjayakannya. Kerapkali kegiatan politik mencuri masa yang diperuntukkan untuk bersama dengan keluarga. Di antara cara yang boleh dilakukan agar anak-anak tidak merasa terpinggir ialah dengan membawa mereka bersama apabila menghadiri kegiatan politik. Dengan ini mereka dapat meluangkan masa bersama dengan anak-anak dan mendedahkan mereka kepada suasana politik.

Saya selalu membawa anak-anak bersama apabila menghadiri program politik terutama anak perempuan yang selalu komen ibu mereka tidak meluangkan masa . Kemudian mereka mula faham tugas ibu mereka sebagai wakil rakyat.⁸

⁸ Temubual dengan YB Rohani Karim di Parlimen pada 11 April 2000.

Pengkaji mendapati para pemerhati wanita berasak-asak dengan anak-anak semasa menghadiri perhimpunan parti.⁹ Kaum wanita sanggup melayani karenah anak-anak dan pada masa yang sama memberi tumpuan kepada majlis. Malah ada yang sanggup membawa anak yang masih kecil atau lebih daripada seorang anak bersama semata-mata untuk menyertai perhimpunan parti. Menurut seorang daripada pemerhati yang hadir,¹⁰ beliau jarang meninggalkan anak-anak apabila menghadiri perhimpunan-perhimpunan anjuran parti. Alasannya beliau lebih suka membawa anak-anak dan memberi pendedahan kepada mereka tentang aktiviti-aktiviti yang beliau lakukan. Dengan ini, suami atau keluarga dan masyarakat umumnya tidak mempunyai alasan untuk menuduh bahawa kaum wanita yang aktif berpolitik tidak dapat meluangkan masa dengan anak-anak. Pengkaji juga mendapati kebanyakan golongan wanita Terengganu sama ada PAS atau UMNO lebih cenderung untuk membawa bersama anak mereka sewaktu menghadiri aktiviti-aktiviti parti berbanding dengan wanita Selangor.

Bagi kaum lelaki, kebanyakannya daripada mereka tidak membawa anak apabila menghadiri aktiviti-aktiviti politik. Semasa pengkaji menghadiri kedua-dua perhimpunan parti UMNO dan PAS, tidak kelihatan seorang pun kaum lelaki yang berada di situ bersama anak kecil. Hal ini jelas menggambarkan komitmen tinggi yang ditunjukkan wanita semasa berpolitik. Mereka bukan sahaja sanggup meluangkan masa untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti politik bahkan menggunakan kesempatan yang ada untuk memberi pendedahan kepada anak-anak. Pada masa yang sama ia mencerminkan wanita masih terikat dengan tugas sebagai seorang ibu walaupun berada dalam arena awam.

⁹ Pemerhatian di Perhimpunan Agung UMNO (Mei 2000) dan di Muktamar PAS (Jun 2000).

¹⁰ Temubual dengan pemerhati politik yang enggan memberikan nama semasa Muktamar Tahunan PAS.

Responden lelaki dan perempuan dalam kajian ini, turut melibatkan ahli keluarga sama ada suami atau isteri, anak-anak serta ahli keluarga lain apabila menghadiri aktiviti politik. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kesemua responden turut membawa ahli keluarga apabila menghadiri aktiviti-aktiviti politik termasuk menghadiri ceramah politik, mesyuarat sama ada di peringkat kawasan, bahagian, negeri atau pusat. Malah ada juga di kalangan responden lelaki dan wanita yang turut membawa ahli keluarga mereka apabila menyertai program-program kebajikan, berkempen atau merayu undi. Namun begitu, didapati, responden wanita lebih ramai yang membawa anak-anak bersama semasa berkempen atau menghadiri ceramah politik berbanding dengan responden lelaki. Manakala responden lelaki pula lebih sering membawa isteri apabila menghadiri aktiviti-aktiviti politik seperti yang dinyatakan di atas daripada ahli keluarga yang lain.

7.2. Perbincangan politik

Sikap serta komitmen responden terhadap perkembangan politik boleh dinilai melalui peratus kekerapan responden mengadakan perbincangan politik. Kekerapan dan kepelbagaiannya kumpulan perbincangan responden menunjukkan sejauhmana komitmen mereka terhadap dunia politik. Responden disoal dengan siapa mereka sering berbincang mengenai politik. Terdapat empat kategori yang utama. Pertama perbincangan dengan rakan-rakan sama ada di tempat kerja atau terlibat di dalam parti yang sama. Kedua, di kalangan ahli keluarga. Ahli keluarga terdiri daripada ibu, bapa, adik-beradik atau saudara mara yang lain. Dalam kategori ketiga iaitu pasangan isteri atau suami. Pengkaji berpendapat dalam banyak perkara seorang suami atau isteri kerap berbincang dengan pasangan masing-masing terutama mengenai politik iaitu satu bidang yang sensitif untuk

dibincangkan dengan orang luar. Jiran tetangga pula mungkin terdiri daripada golongan yang tinggal di sekitar kawasan atau rumah masing-masing.

Jadual 7.2: Perbincangan Politik

PIHKAK YANG DIADAKAN DENGAN	PEREMPUAN			LELAKI		
	SENTIASA	KADANG- KADANG	TIDAK PERNAH	SENTIASA	KADANG- KADANG	TIDAK PERNAH
KAWAN- KAWAN	52.5	45.1	0	56.6	38.9	0
AHLI KELUARGA	41.4	49.6	7.4	13.5	63.2	4.4
ISTERI/ SUAMI	62.9	31.1	5.9	46.3	50.0	11.0
JIRAN TETANGGA	10.3	66.6	15.5	23.5	64.7	11.7

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian mengenai responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan.

Jadual 7.2 menunjukkan, 62.9% responden wanita dalam kajian ini kerap mengadakan perbincangan politik dengan suami berbanding dengan pihak lain. Terdapat 52.5% berbincang dengan kawan-kawan, sementara 41.4% dengan ahli keluarga dan 10.3% dengan jiran tetangga. Perbincangan dengan jiran tetangga paling jarang dilakukan oleh 66.6% responden wanita malah terdapat 15.5% yang tidak pernah berbual mengenai politik dengan jiran tetangga. Bagi responden lelaki pula, 56.6% lebih sering berbual tentang politik dengan kawan-kawan berbanding dengan isteri hanya 46.3% manakala jiran tetangga 23.5% dan ahli keluarga 13.5%.

Peratus menunjukkan responden PAS lebih kerap berbincang mengenai politik dengan kawan-kawan, iaitu 53.2%. Bagi responden wanita PAS, mereka lebih sering berbincang dengan suami iaitu, 31%. Hanya 25% sahaja responden wanita PAS yang berbincang dengan kawan-kawan, 20.0% dengan ahli keluarga yang lain dan 4.2% dengan jiran tetangga. Dalam kajian yang dilakukan oleh Nik Mayani (1995), beliau

mendakwa, ahli-ahli PAS didapati tidak bercampur gaul dengan jiran tetangga apatah lagi sekiranya jiran mereka menyokong atau menjadi ahli kepada parti lawan.¹¹ Mereka hanya berhubung dan bergaul sesama mereka sahaja. Dalam kajian ini penulis mendapati, sikap wanita PAS seperti yang diperkatakan oleh Nik Mayuni (1995) berlaku di sesetengah kawasan. Namun begitu, daripada pemerhatian yang dibuat, didapati wanita UMNO juga turut berkelakuan yang sama. Ini menjelaskan mengapa hanya 4.2% sahaja responden wanita berbincang perkara politik dengan jiran tetangga.

Manakala bagi responden lelaki pula kekerapan untuk berbincang tentang politik dengan kawan-kawan adalah lebih tinggi berbanding dengan isteri. Malah peratus responden lelaki yang tidak pernah berbincang tentang politik dengan jiran tetangga juga tinggi. Kemungkinan jiran mereka bukan merupakan ahli daripada parti yang sama. Justeru itu, hal-hal politik jarang dibincang bersama jiran untuk mengelakkan daripada timbulnya persengketaan atau perselisihan faham. Dapat disimpulkan di sini, kecenderungan responden lelaki dan wanita untuk berbincang mengenai politik dengan pasangan masing-masing lebih tinggi berbanding dengan pihak lain.

Bagi responden UMNO pula, didapati kedua-dua kumpulan responden lelaki dan perempuan lebih sering berbincang dengan kawan-kawan berbanding dengan pasangan. Responden lelaki tidak sekerap responden wanita berdiskusi dengan pasangan mereka. Mereka merasakan lebih selesa berbincang tentang hal-hal politik dengan ahli keluarga

¹¹ Nik Mayani Nik Wan Ku, "Dewan Muslimat PAS Terengganu: Sumbangan Terhadap perpaduan Ummah", Latihan Ilmiah , Fakulti Syariah, Akademi Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1994/1995, m.s. 104-107.

yang lain berbanding dengan isteri. Responden lelaki UMNO juga didapati lebih kerap berbincang tentang politik dengan jiran tetangga.

Statistik yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa bagi kaum wanita sama ada PAS atau UMNO, suami merupakan golongan yang paling kerap dibawa berbincang tentang politik daripada pihak lain. Ia memperlihatkan sikap pergantungan wanita kepada lelaki dalam hal-hal yang menyentuh tentang isu-isu awam seperti politik. Bagi kaum lelaki pula, perbincangan mengenai hal-hal politik jarang dilakukan dengan isteri. Mereka beranggapan bahawa isteri kurang memahami masalah politik. Tetapi, dalam kajian ini 66.7% pasangan responden lelaki merupakan golongan yang aktif dalam politik. Jadi adalah sesuatu perkara yang luar biasa sekiranya seorang isteri atau suami yang berpolitik tetapi jarang membincangkannya dengan pasangan masing-masing.

7.3. Pemilihan Pemimpin Politik

Kebanyakan pemimpin wanita UMNO dan Muslimat PAS di awal penubuhan mereka terdiri daripada golongan yang berpendidikan Inggeris dan Melayu. Ada di kalangan mereka yang dilantik kerana mempunyai hubungan keluarga dengan para pemimpin lelaki. Pemilihan pemimpin bagi kedua-dua pergerakan ini terbahagi kepada dua iaitu di peringkat bawahan (cawangan, bahagian dan kawasan) dan pusat. Lazimnya seorang pemimpin dilantik di kalangan mereka yang telah lama bergiat dalam parti di peringkat akar umbi. Dalam PWU, pemilihan pimpinan wanita adalah berdasarkan kepada personaliti yang disukai ramai, kedudukan sosial yang baik serta keaktifan dalam

masyarakat. Apa yang dimaksudkan dengan kedudukan sosial yang baik di sini ialah mereka yang terdiri daripada isteri serta anak pegawai kerajaan dan kaum elit¹² kampung.

Di awal penubuhan pergerakan wanita UMNO, taraf pendidikan wanita tidak menjadi ukuran utama walaupun terdapat pemimpin wanita dalam PWU yang mendapat pendidikan formal di sekolah Inggeris atau Melayu seperti Ibu Zain dan Aishah Ghani. Kaum wanira tidak ramai yang berpeluang untuk mendapat pendidikan secara formal di peringkat tinggi kerana masyarakat pada masa itu masih tidak menggalakkan anak perempuan bersekolah. Maka tidak hairanlah kebanyakan surirumah yang menguasai peringkat kepimpinan di peringkat bahagian atau cawangan PWU.¹³

Golongan yang memonopoli pergerakan wanita PAS semenjak ditubuhkan hingga awal 80an dipercayai dari kalangan wanita Melayu luar bandar terdiri daripada para surirumah dan ustazah. Pada awal tahun 1982 apabila Anwar Ibrahim, memilih untuk menyertai UMNO, sebahagian para mahasiswa dan mahasiswi yang menyertai ABIM telah berpindah sokongan dan menyertai PAS.¹⁴ Mereka melihat PAS sebagai satu parti alternatif yang dapat menjalankan wadah perjuangan sepertimana yang ditekankan oleh ABIM. Era 80an menyaksikan kemasukkan golongan muda yang aktif dalam gerakan

¹² Kaum elit yang dimaksudkan di sini termasuk penghulu kampung, pegawai-pegawai kerajaan dan juga golongan berada yang tinggal di kampung.

¹³ Ramlah Adam, *Pergerakan Wanita UMNO di Malaysia 1945-1972*, m.s. 49.

¹⁴ Temubual Puan Zaironi Othman di Markas PAS Kuala Terengganu pada 26 julai 2000 dan Puan Sufinah Jusof di Markas PAS Batu Enam pada 8 Mei 2000.

Islam menyertai PAS.¹⁵ Ini termasuklah para siswi yang kemudiannya menjadi penggiat kepada aktiviti DMP.

Jadual 7.3: Kriteria Pemimpin Wanita Pilihan Responden Mengikut Jantina

Kriteria Pilihan	Wanita	Kedudukan	Lelaki	Kedudukan
Suara majoriti ahli yang memilih	2.68	1	3.51	1
Yang berpendidikan	3.42	4	3.85	5
Yang komited dengan perjuangan parti	2.78	3	3.60	2
Mempunyai latar belakang kekuatan politik dan sosial keluarga (seperti suami terlibat dalam politik)	3.83	6	3.84	4
Berdasarkan kemampuan diri sendiri	3.55	5	3.71	3
Yang mempunyai latar belakang agama yang kuat	2.69	2	3.79	6
Yang dipilih oleh pucuk pemimpin	4.62	7	5.09	7

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Daripada kajian yang dijalankan ke atas 135 orang wanita UMNO dan PAS, kriteria yang menjadi pilihan dalam menentukan perlantikan seorang pemimpin wanita di dalam sesebuah parti adalah mengikut suara majoriti ahli yang memilih, golongan yang mempunyai latar belakang yang kuat, komited terhadap perjuangan parti serta berpendidikan. Walaupun faktor-faktor seperti pendidikan dan agama adalah penting dalam pemilihan seorang pemimpin tetapi responden wanita masih akur dengan budaya berparti yang menerima majoriti sebulat suara. Ini diikuti pula oleh golongan yang berkebolehan menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin, mempunyai latar belakang politik dan status sosial keluarga yang tinggi serta menjadi pilihan pemimpin.

¹⁵ Zainah Anwar, **op.cit.**, m.s. 20-37.

Manakala responden lelaki pula, mereka berpendapat bahawa pemimpin wanita seharusnya dipilih bergantung kepada majoriti suara ahli yang memilih, komited terhadap perjuangan parti dan yakin dengan kemampuan diri. Di sini jelas menunjukkan sedikit perbezaan di antara responden lelaki dan wanita dari segi keutamaan untuk memilih pemimpin kaum wanita di dalam parti. Golongan lelaki menekankan supaya wanita mempunyai keyakinan terhadap kemampuan diri sekiranya ingin dipilih menjadi pemimpin.

Kesimpulannya, statistik menunjukkan kriteria utama pemilihan seorang ketua pada pandangan responden mengikut gender ialah suara majoriti ahli yang memilih. Jika dilihat dengan lebih terperinci, didapati dalam aspek pemilihan berdasarkan kepada latar belakang agama yang kuat, terdapat perbezaan pandangan yang nyata antara responden lelaki dan wanita. Purata mata responden lelaki lebih tinggi. Ini bermakna responden wanita lebih menekankan kepentingan aspek ini kepada seorang pemimpin berbanding dengan responden lelaki.

Selain daripada itu, keutamaan kriteria pemimpin wanita di antara wanita PAS dan UMNO juga berbeza. Wanita UMNO mengutamakan pilihan suara majoriti, golongan yang komited dengan perjuangan parti, mempunyai latar belakang agama yang kuat, latar belakang kedudukan keluarga yang baik, berkebolehan, berpendidikan serta dipilih oleh pucuk pimpinan. Manakala wanita PAS pula berpendapat pemimpin wanita harus dipilih, berdasarkan kepada latar belakang agama yang kuat, suara majoriti memilih, komited dengan perjuangan parti, berpendidikan, berkebolehan, mempunyai latar belakang sosial keluarga yang baik dan dipilih oleh pucuk pemimpin.

Jadual 7.4: Pilihan Pemimpin Wanita Mengikut Parti

KRITERIA PEMILIHAN	UMNO	KEDUDUKAN	PAS	KEDUDUKAN
Suara majoriti ahli yang memilih	2.45	1	2.84	2
Yang berpendidikan	3.58	6	3.31	4
Yang komited dengan perjuangan parti	2.64	2	2.89	3
Mempunyai latar belakang kekuatan politik dan sosial keluarga	3.36	4	4.18	6
Berdasarkan kemampuan diri sendiri	3.48	5	3.59	5
Yang mempunyai latar belakang agama yang kuat	3.24	3	2.16	1
Yang dipilih oleh pucuk pemimpin	4.36	7	4.82	7

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Kedua-dua kumpulan wanita ini bersetuju bahawa campurtangan pucuk pemimpin dalam pemilihan ketua wanita kurang penting berbanding dengan faktor-faktor lain. Perlu ditekankan di sini walaupun wanita UMNO meletakkan faktor agama sebagai keutamaan yang ketiga tetapi didapati penekanan yang diberi oleh wanita PAS terhadap aspek ini adalah lebih tinggi. Ini tidak menghairankan memandangkan PAS mendakwa berjuang di atas dasar Islam, maka sudah tentu kriteria pemilihan pemimpin berdasarkan kepada kepercayaan atau ideologi yang yang diperjuangkan oleh parti. Sesungguhnya dalam apa jua tindakan atau tindakan yang diambil oleh muslimat PAS, mereka mengaitkannya dengan dasar parti yang memperjuangkan Islam untuk menjustifikasi tindakan mereka.

Jadual 7.5: Faktor Yang Menentukan Undi Responden

KRITERIA	PEREMPUAN	LELAKI	JUMLAH
Calon	11.4%	12.6%	12.0%
Parti	74.2%	71.9%	73.0%
Calon dan Parti	11.4%	10.4%	10.9%
JUMLAH	97.0%	94.9%	95.9%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Jadual 7.5 menunjukkan 73.0% responden lelaki dan wanita memilih parti sebagai kriteria utama apabila mengundi. Sementara 12.0% mengundi kerana calon dan 10.9% berpendapat kriteria calon dan parti sebagai faktor untuk menentukan undian mereka.

Jadual 7.6: Faktor Yang Menentukan Undi Mengikut Parti dan Negeri

KRITERIA	TERENGGANU %		JUMLAH %	SELANGOR %		JUMLAH %
	PAS	UMNO		PAS	UMNO	
Calon	1.5	7.7	9.2	1.5	11.9	13.4
Parti	40.0	40.0	80.0	38.8	29.9	68.7
Calon dan Parti	7.7	1.5	9.2	7.5	6.0	13.4

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian mengenai responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan.

Dapatan kajian dalam jadual 7.6 menunjukkan 69.9% responden wanita UMNO dan 78.8% wanita PAS dalam kajian ini lebih mementingkan parti berbanding dengan faktor calon apabila mengundi. Kriteria calon tidak menjadi pilihan utama kepada 97.0% wanita PAS tetapi 19.6% wanita UMNO melihat ianya sebagai faktor penting untuk menentukan undi. Ini menunjukkan bahawa wanita PAS lebih mementingkan parti berbanding dengan wanita UMNO. Sebaliknya, wanita UMNO mengundi individu yang

mereka anggap mampu menjayakan matlamat parti. Ini bukan sahaja menjadi tuntutan wanita UMNO tetapi juga wanita PAS. Selain itu, didapati juga peratus responden wanita UMNO dan PAS daripada Terengganu yang mengutamakan parti apabila mengundi adalah lebih tinggi daripada responden di Selangor. Namun begitu perbezaan antara wanita PAS Terengganu dengan wanita PAS Selangor hanya 1.2% sahaja. Ini memberi satu gambaran tentang sikap berpolitik responden Terengganu yang cenderung memilih parti sebagai dasar untuk mengundi.

Bagi responden lelaki pula, tiada perbezaan yang nyata kerana kedua ahli parti sama-sama mementingkan parti apabila mengundi iaitu 71.9%. Namun responden lelaki UMNO yang menitikberatkan calon sahaja juga tinggi iaitu 26.3% berbanding dengan PAS iaitu 21.1% sahaja. Kesimpulannya responden UMNO lebih mementingkan calon apabila mengundi manakala responden PAS pula lebih mementingkan parti.

Jadual 7.7 menunjukkan 45.0% responden lelaki dan wanita berpendapat bahawa peluang untuk berjaya di dalam politik adalah bergantung kepada kredibiliti diri sendiri. 45.5% responden wanita dan 44.4% responden lelaki menekankan kebolehan diri untuk maju dan berjaya dalam politik. Sementara 17.3% responden wanita dan lelaki yakin bahawa di dalam bidang ini bukan sahaja kemampuan diri menjadi ukuran tetapi juga sokongan daripada ahli-ahli di peringkat bawah dan pucuk pimpinan. Selain daripada itu, 5.6% responden daripada kedua-dua kumpulan jantina percaya bahawa sokongan dan kerjasama daripada kaum wanita juga penting terutama menjelang pilihanraya.

Jadual 7.7: Kriteria Untuk Berjaya dalam Politik Mengikut Pandangan Responden

PELUANG UTK MENJADI MAJU DAN BERJAYA DLM POLITIK BANYAK BERGANTUNG KEPADA	PEREMPUAN	LELAKI	JUMLAH
TIADA JAWAPAN	.8%	-	.4%
PUCUK PIMPINAN PARTI	9.8%	11.9%	10.8%
SOKONGAN DAN KERJA KUAT DARI KAUM WANITA	6.5%	4.8%	5.6%
SOKONGAN KAUM LELAKI	3.3%	2.4%	2.8%
SOKONGAN GOLONGAN BAWAHAN	15.4%	18.3%	16.9%
KREDIBILITI DIRI SENDIRI	45.5%	44.4%	45.0%
SEMUA	17.9%	18.3%	18.0%
JUMLAH	100%	100%	100%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian mengenai responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan.

Didapati 6.5% responden wanita lebih menekankan akan kepentingan kerjasama daripada kaum mereka untuk berjaya dan maju dalam politik. Sepatah kata YB Datuk Napsiah Omar,

Sebenarnya wanita di seluruh negara boleh menaikkan wanita yang lain sebagai ketua sebab bilangan mereka di peringkat bawahan lebih dari separuh. Malangnya wanita belum sedar dan tahu tentang peranan mereka.¹⁶

Responden lelaki pula mementingkan kerjasama daripada golongan ahli bawahan tidak kira lelaki atau wanita untuk maju dalam bidang ini. Namun begitu, tidak ada perbezaan yang ketara antara responden lelaki dan wanita mengenai faktor-faktor yang boleh menentukan kejayaan mereka dalam politik. Kedua-dua kumpulan responden ini bersandarkan kepada kebolehan diri sendiri sebagai yang utama untuk berjaya.

¹⁶ Temubual dengan YB Napsiah Omar di Parlimen pada 10 April 2000.

Statistik ini menunjukkan responden wanita atau lelaki tidak meletakkan sandaran kepada hubungan yang baik dengan pucuk pemimpin sebagai satu cara untuk berjaya dalam politik. Sebaliknya para responden bergantung kepada kebolehan diri untuk menentukan jatuh bangun mereka dalam politik. Ini menunjukkan sama ada responden lelaki atau perempuan, masing-masing tidak bergantung kepada faktor luaran sebagai batu loncatan untuk maju dalam bidang ini.

7.4.1. Aktiviti politik

Terdapat ramai para pengkaji mendapati bahawa kegiatan utama wanita dalam politik adalah untuk mempengaruhi orang ramai supaya memberi sokongan terhadap parti. Ia semakin ketara menjelang pilihanraya kerana kaum wanita digunakan sebagai agen politik atau alat politik untuk berkempen. Bagi wanita UMNO, selain daripada berkempen semasa pilihanraya, mereka juga mampu untuk berkempen secara terbuka kerana lawatan para menteri wanita menghadiri sesuatu perhimpunan atau majlis dipergunakan untuk mempopularkan parti mereka. Media juga turut digunakan untuk memberi liputan. Laporan yang diberikan oleh media merupakan satu bentuk kempen tentang kegiatan yang telah dilakukan oleh UMNO sebagai parti yang memerintah. Ini sudah tentu memberi imej yang baik kepada PWU itu sendiri.

Bagi wanita PAS pula, kempen mereka amat terhad. Kegiatan mencari pengaruh di kalangan masyarakat hanya mampu dibuat melalui kegiatan-kegiatan agama seperti usrah yang dilakukan secara kecil-kecilan di kampung-kampung. Kalau adapun pembaharuan hanya berlaku di dua buah negeri yang berjaya ditawan oleh PAS iaitu Terengganu dan Kelantan. Selaku pentadbir kerajaan negeri maka muslimat PAS akan

lebih berpeluang untuk menyerapkan pengaruh politik mereka dalam aktiviti-aktiviti kerajaan. Malah kegiatan politik dapat dilakukan dengan lebih terbuka.

Tidak ada perbezaan statistik yang nyata antara responden lelaki dan responden wanita mengenai aktiviti utama kaum wanita dalam politik. Kedua-dua kumpulan responden ini percaya bahawa aktiviti utama wanita dalam politik ialah menjalankan kerja-kerja kempen untuk parti. Responden wanita juga berpendapat adalah tugas utama wanita untuk terlibat dalam kerja-kerja kebajikan sebelum terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menyokong dan membantu mengembangkan ideologi peranan mereka dalam politik. Responden lelaki dan wanita juga mengatakan, adalah menjadi keutamaan bagi kaum wanita untuk menolong individu yang bertanding. Aktiviti mengutip derma merupakan yang paling kurang utama bagi kaum wanita seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 7.8 : Aktiviti Utama Wanita dalam Politik

Aktiviti-aktiviti	WANITA	KEDUDUKAN	LELAKI	KEDUDUKAN
Berkempen untuk parti	2.26	1	2.94	1
Berkempen untuk individu yang bertanding	4.01	4	3.58	4
Mengutip derma	4.36	5	4.24	5
Aktiviti-aktiviti yang menyokong dan membantu mengembangkan ideologi peranan domestik wanita	2.82	3	3.27	2
Kerja-kerja kebajikan	2.64	2	3.37	3

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Bagaimanapun apabila meneliti pandangan responden tentang aktiviti utama lelaki dalam politik, didapati, terdapat perbezaan keutamaan di antara responden lelaki dan wanita. Responden wanita berpendapat di dalam politik, lelaki seharusnya menekankan aktiviti-aktiviti yang menyokong dan membantu mengembangkan kerjaya politik mereka sebagai lebih utama daripada berkempen untuk parti. Responden lelaki memilih berkempen untuk parti sebagai aktiviti utama diikuti dengan penglibatan dalam kerja-kerja kebijakan, aktiviti-aktiviti yang menyokong dan membantu mengembangkan kerjaya politik, berkempen untuk individu yang bertanding dan mengutip derma.

Jadual 7.9: Aktiviti Utama Lelaki dalam Politik

Aktiviti-aktiviti	Wanita	Kedudukan	Lelaki	Kedudukan
Berkempen untuk parti	2.42	1	2.71	1
Berkempen untuk individu yang bertanding	3.32	4	3.39	4
Mengutip derma	4.39	5	4.19	5
Aktiviti-aktiviti yang menyokong dan membantu mengembangkan kerjaya politik	2.21	1	3.31	3
Kerja-kerja kebijakan	2.86	3	3.26	2

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Berdasarkan kepada jadual 7.8 dan jadual 7.9, ia menunjukkan bahawa peranan wanita di dalam parti amat penting. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka memperlihatkan kecenderungan untuk membantu parti. Selain daripada itu, jadual 7.10 memberi gambaran bahawa kaum wanita sebenarnya bertanggungjawab untuk mencorak kepentingan mereka dalam aktiviti-aktiviti politik. Sekiranya mereka telah meletakkan penekanan berkempen untuk parti kepada diri mereka sendiri dan mengecualikan lelaki

daripada tugas ini maka sudah tentu tanggapan umum bahawa peranan wanita sebagai penyokong lelaki dan subordinat dalam politik akan terus diperkuuhkan.

Di samping itu terdapat perbezaan antara wanita UMNO dan wanita PAS, mengenai pandangan tentang aktiviti utama lelaki dalam politik sebagai pengutip derma. Muslimat PAS meletakkan kepentingan tugas ini kepada kaum lelaki. Selalunya dalam ceramah-ceramah umum yang dijalankan oleh parti PAS, para petugas yang lazimnya terdiri daripada kaum lelaki akan bergerak di kalangan para hadirin dengan membawa bersama uncang atau plastik kecil untuk mengutip derma.¹⁷ Jarang sekali petugas wanita ditugaskan untuk mengutip derma walaupun terdapat petugas lelaki yang berada di kalangan wanita. Rasionalnya, kaum lelaki lebih bebas bergerak di kalangan wanita berbanding dengan muslimat kerana pergerakan mereka agak terbatas.

7.5. Pendekatan dan Sikap Berpolitik

Pemahaman kaum lelaki dan kaum wanita mengenai aktiviti berpolitik menunjukkan perbezaan sikap politik antara lelaki dan wanita. Justeru itu, tingkah laku politik yang dipamerkan oleh ahli-ahli politik lelaki dan wanita juga berbeza. Ahli politik lelaki lebih pandai menyesuaikan diri dengan keadaan dan suasana tempat. Walaupun di dalam Parlimen mereka saling kutuk-mengutuk, tetapi sikap yang ditunjukkan semasa berada di luar dewan berlainan. Adalah menjadi kebiasaan sekiranya wakil-wakil rakyat

¹⁷ Pemerhatian yang di lakukan sewaktu menghadiri ceramah umum yang di adakan oleh PAS di beberapa buah kawasan di sekitar Terengganu termasuk di Kubang Lembik, 1999; di Batu Buruk 2000, Rusila 2000 dan Kuala Terengganu 2000.

lelaki daripada parti yang berlainan berpeluk-pelukan dan bertepuk tamar di ruang legar Parlimen. Mereka kelihatan lebih mesra di antara satu sama lain.

Menurut seorang wakil rakyat lelaki UMNO, politik kaum lelaki adalah berbeza daripada wanita. Mereka berupaya menunjukkan sikap yang mesra terhadap lawan apabila berada di luar ‘gelanggang’ perdebatan politik. Malah kaum lelaki juga masih mampu makan semeja sekiranya berkesempatan. Ini disokong oleh seorang wakil rakyat lelaki daripada PAS yang berpendapat di dalam hal-hal yang melibatkan pergaulan dengan ahli dari parti lawan atau kawan, kaum wanita agak sensitif dan sukar untuk menyembunyikan perasaan mereka. Sekiranya wanita menerima kritikan terutama dari kalangan mereka sendiri maka mereka bermasam muka. Tetapi sekiranya teguran itu diberikan oleh golongan lelaki dari parti yang sama mereka akan menerima sebagai satu teguran yang membina. Sebaliknya berlaku jika parti lawan yang menegur. Perasaan tidak puas hati terbawa-bawa hingga ke luar dewan perdebatan. Keadaan ini berlaku bukan sahaja di kalangan wanita UMNO malah Muslimat PAS juga.

Sikap yang ditunjukkan oleh wanita ini menyebabkan mereka diketepikan oleh kaum lelaki di dalam politik. Menurut seorang perwakilan UMNO dari Kedah, sikap wanita yang terlalu tegas serta emosional menyukarkan golongan lelaki untuk memberi kerjasama.¹⁸ Kaum wanita hanya berinteraksi sesama sendiri dan tidak membuat sebarang inisiatif untuk berinteraksi dengan parti lawan.

¹⁸ Temubual dengan Encik Borhan, perwakilan UMNO Bahagian Kedah pada 13 May 2000.

Selain daripada itu, di kalangan ahli politik wanita, mereka mengelak daripada bertembung di antara satu sama lain dan jarang sekali dilihat berbincang atau berbual di luar dewan persidangan.¹⁹ Malah ada di kalangan wanita UMNO seolah-olah mempunyai puak-puak yang tersendiri.²⁰ Sewaktu makan tengahari, ahli politik lelaki atau wanita hanya makan bersama dengan ahli daripada parti yang sama. Pada masa ini pelbagai masalah parti dibincangkan dan mereka sudah tentu tidak mahu parti lawan mendengar perbualan mereka.

Di kalangan Muslimat PAS, pengkaji mendapati mereka jarang berbual tentang isu-isu politik atau permasalahan parti. Perbualan lebih banyak berkisarkan kepada hal-hal keluarga, pelajaran dan sebagainya. Sikap para Muslimat PAS ini menunjukkan bahawa mereka bimbang sekiranya ada hal-hal tertentu yang sepatutnya tidak boleh diketahui oleh umum dan didengari oleh pengkaji. Muslimat PAS bersikap lebih tertutup dan agak sukar untuk didekati.²¹

¹⁹ Dari pemerhatian pengkaji, didapati kelakuan ini amat ketara sebelum perhimpunan Agung UMNO diadakan pada bulan Mei 2000. Ini kerana berlakunya perebutan jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO yang menyaksikan berlaku juga perpecahan di kalangan ahli wanita yang memihak kepada pihak-pihak yang bertanding. Mereka mempunyai puak atau kumpulan-kumpulan masing-masing dan bergerak atau berbincang hanya di kalangan ahli kumpulan tersebut.

²⁰ Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, bukan semua wanita UMNO mempunyai hubungan yang baik sesama mereka. Ada di antara mereka yang tidak bertegur sapa. Bahkan ada yang menyokong pihak tertentu dan menyebabkan mereka tidak mesra dengan lawan kepada pihak yang mereka sokong. Di kalangan wakil-wakil wanita ini, mereka bertanding untuk jawatan-jawatan penting di dalam parti. Pemilihan hanya dibuat semasa Perhimpunan Agung UMNO.

²¹ Sikap yang sama ditunjukkan semasa Muktamar Agung PAS apabila pengkaji memohon kebenaran untuk mengadakan temubual dengan beberapa orang wanita PAS tetapi tidak dibenarkan. Walaupun pengkaji sudah memperolehi kebenaran daripada Presiden PAS sendiri iaitu Dato' Fadhil Noor tetapi para petugas wanita PAS pada masa itu memberi pelbagai alasan untuk tidak membenarkan pengkaji menemubual. Antara alasan yang diberi ialah, bimbang sekiranya maklumat yang diberikan akan digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Manakala wanita UMNO pula lebih bersikap terbuka dan bebas berbincang mengenai isu-isu yang berkaitan dengan politik dengan pengkaji termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan parti. Selain daripada itu, ahli politik UMNO juga turut memperkatakan tentang perancangan sebagai wakil rakyat dan apa yang ingin dilakukan untuk rakyat. Di samping itu, wanita UMNO juga lebih bersemangat membicarakan tentang kerjaya mereka dalam politik.²² Kadangkala ada di antara mereka yang tidak segan silu berkempen. Peluang digunakan untuk mencari pengaruh di kalangan kaum lelaki bagi mendapatkan undi.

Perbezaan kelakuan di antara ahli politik lelaki dan wanita yang ditunjukkan semasa berada di Parlimen ini bukanlah merujuk kepada kelakuan politik kaum wanita dan lelaki secara umum. Ini kerana pengkaji hanya berpeluang meneliti interaksi di antara kedua kumpulan jantina yang berlainan parti ini semasa persidangan parlimen sahaja. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa kebanyakan ahli politik wanita, tidak bergaul atau menunjukkan sikap yang mesra sama ada dengan ahli daripada parti yang sama atau parti lawan. Ini berlainan sekali dengan sikap kaum lelaki. Setengah pendapat menganggap sikap yang sedemikian sebagai hipokrit atau bermuka-muka. Namun, dari satu sudut yang lain, ia dapat menjamin keharmonian hubungan sesama ahli politik dan mengendurkan suasana yang tegang walaupun sekejap sahaja.

Selain itu, golongan muda dilihat lebih bebas bergaul dengan ahli daripada parti lawan. Mereka ini merupakan golongan professional yang sering berdebat dan mencelah

²² Kebetulan tarikh perhimpunan Agung UMNO semakin dekat dan golongan wanita ini merancang strategi untuk meraih sokongan.

pihak lawan semasa persidangan dewan atau pernah berada dalam parti lawan.²³ Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan kadang-kala sikap agresif kaum lelaki ini melampau. Ini berikutan beberapa peristiwa yang menyaksikan ahli politik lelaki menggunakan kekerasan fizikal untuk menghentam pihak lawan. Di dalam Dewan Rakyat, ketidakpuasan hati ahli politik lelaki ditunjukkan dengan meninggalkan dewan.²⁴ Tetapi terdapat juga peristiwa wakil-wakil rakyat tidak dapat mengawal perasaan masing-masing. Peristiwa-peristiwa seperti MP lelaki saling mencabar untuk bertumbuk di luar dewan²⁵ atau tindakan seorang wakil rakyat menempeleng wakil yang lain²⁶ menunjukkan tingkahlaku ahli politik kaum lelaki yang di luar batas norma-norma masyarakat Melayu. Ini jelas memperlihatkan tindakan para ahli politik lelaki tidak profesional. Setakat ini pengkaji masih belum menemui sebarang laporan yang menggambarkan ahli politik wanita berkelakuan di luar batas kewajaran seperti mana kaum lelaki.

Cara berpakaian di antara ahli PAS dan UMNO tidak jauh berbeza. Hampir kesemua ahli politik lelaki mengenakan pakaian kemas seperti kot dan bertali leher sepanjang persidangan diadakan. Perbezaan pemakaian ketara di kalangan ahli PAS yang sudah berumur dengan golongan muda. Golongan yang sudah berumur sering mengenakan baju Melayu dan berserban. Namun menurut beberapa orang pemerhati yang sentiasa menghadiri persidangan dewan rakyat, PAS telah menunjukkan satu perubahan imej yang besar kerana kebanyakan wakil rakyat PAS tidak lagi tampil dengan imej

²³ Tidak semua ahli politik UMNO dan PAS menunjukkan sikap mesra terhadap parti lawan.

²⁴ Pemerhatian semasa dewan rakyat bersidang pada 15 Februari hingga 17 April 2000.

²⁵ **Harakah**, 9 November 2000 dan **Utusan Malaysia**, 8 November 2000.

²⁶ **Harakah**, 14 November 2000 dan **Utusan Malaysia**, 14 November 2000.

berjubah dan berserban seperti tahun-tahun yang sudah. Malahan ramai wakil PAS sama ada daripada Terengganu atau Selangor tampil dengan imej berkot dan bertali leher.

Manakala bagi wanita PAS dan UMNO pula, mereka selesa dengan baju kurung dan bertudung. Cuma pemakaian tudung itu sahaja berbeza. Ketiga-tiga wakil Muslimat PAS sering mengenakan tudung labuh. Sesetengah pihak mendakwa agak sukar untuk mendekati muslimat PAS kerana penampilan mereka.²⁷ Namun Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat, Senator Jamilah Ibrahim menafikan dakwaan ini dan berpendapat muslimat PAS berfikiran terbuka dan adalah salah untuk membuat andaian bahawa mereka sukar didekati kerana berpakaian sedemikian.²⁸ Lagi pula dengan kebanjiran wanita dari semua peringkat, golongan yang berjubah dan bertudung labuh tidak lagi menjadi dominan dalam perjumpaan-perjumpaan muslimat PAS.²⁹ Namun begitu, di dalam perjumpaan-perjumpaan DMP, didapati wanita dari Selangor lebih moden cara pemakaian mereka . Ada di kalangan wanita PAS ini berseluar panjang dan berbaju labuh atau mengenakan tudung bersegi iaitu satu fenomena yang berbeza daripada wanita PAS di Pantai Timur. Ini kerana kebanyakan wanita PAS Terengganu bertudung labuh dan berjubah.

Kebanyakan wanita UMNO juga bertudung walaupun ada yang hanya mengenakan selendang semasa persidangan dewan berjalan. Sebahagian besar daripada mereka mengenakan pakaian tradisional wanita Melayu semasa kempen pemilihan ahli

²⁷ **Harakah**, 1 April 2000.

²⁸ **Harakah**, 2000.

²⁹ Pemerhatian semasa Muktamar dan Dewan Undangan Negeri Terengganu, Ceramah di Masjid Rusila Terengganu.

jawatankuasa UMNO giat dijalankan. Apabila pemilihan telah selesai, mereka tidak lagi berselendang. Ini memberi satu imej yang tidak sihat kepada PWU kerana tindakan mereka ini dipandang sebagai untuk memancing undi perwakilan yang rata-rata merupakan golongan wanita bertudung.³⁰ Malah isu pemakaian tudung ini juga pernah menyebabkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Rafidah Aziz di'boo' oleh segelintir perwakilan lelaki yang tidak berpuas hati dengan penolakan beliau untuk memakai tudung semasa Perhimpunan Agung UMNO 2000.³¹ Ini kerana Ketua PWU beranggapan bahawa soal pakaian adalah hal antara individu dengan Tuhan. Namun begitu, beliau masih memenangi kepercayaan anggota wanita lain dan dilantik semula menjadi Ketua PWU. Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga iaitu Dato' Shahrizat Jalil berpendapat isu bertudung ini merupakan isu yang sensitif di kalangan masyarakat Melayu dan secara peribadi beliau menganggap ianya tidak patut digembar-gemburkan oleh media.³² YB Mastika Junaidah mendakwa, kefahaman beliau tentang Islam semakin mendalam semenjak beliau menyertai UMNO. Malah tabiat untuk membawa bersama kain telekung dan bersembahyang menjadi kebiasaan. Namun begitu, melalui pemerhatian yang dibuat, didapati kebanyakan wanita UMNO di Terengganu bertudung dan mengenakan baju tradisional apabila menghadiri perjumpaan parti. Ini berlainan dengan wanita UMNO di Selangor kerana cara pemakaian mereka dilihat lebih bergaya dan moden.

³⁰ Pemerhatian di Perhimpunan Agung UMNO pada 10 Mei-13 Mei 2000.

³¹ *The Star*, 13 May 2000.

³² Ucapan perasmian Bengkel Sehari: Gender dan Pembangunan pada 15 Mac 2001 di Universiti Malaya.

Peratus responden yang bersetuju bahawa pemakaian yang dituntut oleh agama merupakan ciri yang menunjukkan kepimpinan dan tauladan seorang pemimpin wanita yang baik adalah tinggi bagi keempat-empat kumpulan responden. Namun begitu, terdapat 3.0 % responden yang tidak bersetuju bahawa pemakaian cara Islam boleh mencerminkan kewibawaan seorang pemimpin. Antara alasan yang diberi oleh responden PAS ini ialah kerana bertudung itu dianggap sebagai satu fesyen dan bukannya tuntutan agama. Oleh kerana itu sebagai seorang pemimpin, seseorang wanita harus sedar bahawa memakai pakaian menurut Islam adalah satu kewajipan dan bukan hanya sekadar fesyen.

PAS menganggap isu pakaian bukan satu isu baru dan ahlinya harus memahami bahawa menjadi kewajipan kaum wanita untuk menutup aurat menurut tuntutan Islam. Namun fenomena yang berlaku hari ini menyaksikan ahli PAS tidak lagi dikuasai oleh golongan wanita yang berjubah dan bertudung labuh. Ada di antara ahli PAS yang bertudung tigasegi atau tudung pendek malah yang tidak mengenakan tudung turut menyertai parti ini. Di kalangan ahli-ahli PAS sendiri sudah kelihatan wanita-wanita yang bermekap dan berpakaian warna-warni berbeza dengan imej wanita PAS yang terdahulu.³³ Menurut seorang daripada pemimpin tertinggi Muslimat PAS, tidak semua yang menyertai PAS memahami prinsip perjuangan parti ini tetapi lebih terpengaruh kepada isu-isu semasa yang timbul dan menyokong PAS kerana simpati.³⁴

³³ Ibrahim Abu Bakar, "Perbandingan Politik Agama PAS & UMNO", m.s.127.

³⁴ Temubual dengan Ketua Muslimat PAS Selangor iaitu Puan Wan Hasrina pada 12 Julai 2000.

7.6. Wanita sebagai Ketua Negara

Penerimaan masyarakat Melayu terhadap kebolehan dan kewibawaan kaum wanita masih ketinggalan. Masyarakat masih mengikat kaum wanita dengan nilai-nilai tradisi dan kerja-kerja domestik serta membebaskan lelaki dengan kerja-kerja dalam kehidupan awam. Persepsi ini sudah tentu mempengaruhi kedudukan golongan wanita dalam politik. Walaupun wanita Melayu sudah lama terlibat dalam politik tetapi tempoh pembabitan mereka tidak dapat direalisasikan dengan kedudukan mereka dalam politik Malaysia amnya dan dalam parti khasnya. Ini termasuk parti UMNO dan PAS. Malah kebolehan wanita sebagai pemimpin sentiasa diragui selagi masyarakat mendefinisikan hubungan gender berdasarkan kepada perbezaan peranan dalam kehidupan awam dan kehidupan '*private*'. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab-bab terdahulu, antara kesukaran bagi wanita untuk maju ialah kerana persepsi dan tanggapan tradisional lelaki dan wanita itu sendiri terhadap kemampuan dan kewibawaan kepimpinan kaum wanita.

Jadual 7.10: Perlantikan Wanita Sebagai ketua Negara

TINDAKBALAS	PEREMPUAN	LELAKI	JUMLAH
TIADA JAWAPAN	.8%	.7%	.7%
SETUJU	14.3%	8.1%	11.2%
BIASA	13.5%	9.6%	11.5%
TIDAK SETUJU	71.5%	81.6%	76.5%
JUMLAH	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan

Daripada 271 orang, majoriti responden tidak dapat menerima wanita sebagai ketua negara, 76.5% tidak bersetuju dan menolak wanita sebagai pemimpin utama dalam

negara. Hanya 11.2% sahaja yang bersetuju. Peratus wanita UMNO untuk menerima seorang wanita sebagai ketua negara adalah lebih tinggi berbanding dengan responden lain iaitu 25.4%. Manakala responden lelaki PAS adalah yang paling tidak bersetuju dengan kenyataan ini iaitu 94.1%.

7.7. Isu-isu Perjuangan Wanita dalam politik

Antara persoalan yang dikaitkan dengan penglibatan politikal kaum wanita ialah sejauhmana isu-isu dalam politik membawa kepada mobilasi dan perkembangan peranan mereka dalam politik. Atau sejauhmana isu-isu tersebut menggambarkan kepentingan kaum wanita sebagai ahli politik. Ahli politik lelaki dikatakan tidak serius menatangani isu-isu wanita dan di kalangan pemimpin wanita sendiri menerima pakai pandangan lelaki dalam banyak perkara berhubung dengan masalah kaum wanita.³⁵

Ahli politik wanita bertanggungjawab mengutarakan permasalahan wanita tetapi apabila diteliti hubungan tindakan politikal wanita dan hal-hal yang diperjuangkan oleh mereka, ia menggambarkan wanita masih berada dalam kepompong tradisional. Mereka hanya menekankan isu-isu yang berkaitan dengan wanita selagi tidak mencabar kekuasaan kaum lelaki. Antaranya termasuk polisi-polisi sebagai pelindung kepada wanita dan menekankan tentang peranan reproduksi seperti cuti bersalin, Seksyen 10, Akta Kilang dan Mesin 1967³⁶ dan Akta Keganasan Rumahtangga. Wanita dilihat tidak

³⁵ New Straits Times, 25 November 1999.

³⁶ Seksyen 10, Akta Kilang dan Mesin 1967 meminta supaya pihak majikan menyediakan tempat kerja yang sesuai kepada wanita.

berani untuk menyuarakan isu-isu berbentuk kontroversi tetapi lebih tertumpu kepada isu domestik.³⁷

Apabila isu-isu seperti dasar pendidikan kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan Raja Berpelembagaan muncul sekitar tahun 1951-1969, suara wanita UMNO dikatakan tenggelam dengan keagresifan Pemuda UMNO menangani isu-isu ini.³⁸ Mereka seolah-olah menjadi ‘pak turut’ kepada percaturan politik kaum lelaki dan akur kepada apa sahaja keputusan pucuk pimpinan parti.³⁹ Begitu juga apabila pucuk pimpinan PAS sibuk berceramah tentang isu semasa yang dibangkitkan, Muslimat PAS hanya menjadi penyokong untuk membantu memberi penerangan kepada orang ramai tentang isu tersebut. Jarang sekali Muslimat tampil bersama isu baru untuk diketengahkan dalam masyarakat. Apatah lagi untuk dilihat sebagai pembela permasalahan kaum wanita. Akibatnya Muslimat PAS dilihat sebagai pak turut kepada kepimpinan parti. Namun begitu, tindakan mereka ini adalah bersesuaian dengan konsep berparti yang didokong oleh kebanyakan ahlinya. Mereka berpendapat peranan muslimat dalam parti adalah untuk menyempurnakan tugas-tugas kaum lelaki.⁴⁰ Dengan kata lain mereka sebagai pelengkap kepada kegiatan kaum lelaki. Mungkin dalam sesetengah hal mesej yang ingin disampaikan oleh kepimpinan lelaki tidak dapat diterima atau sukar difahami oleh masyarakat atau kaum wanita. Maka menjadi tugas muslimat untuk memberi penerangan

³⁷ Nama beliau tidak dapat disiarkan kerana tidak mendapat keizinan.

³⁸ **Utusan Malaysia**, 2 Mei 1996.

³⁹ “Pergerakan Wanita UMNO Perlukan Nafas Baru”, **MASSA**, 14-20 September, 1996, m.s. 18.

⁴⁰ Mohd Soud Said, "Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia", Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998/1999, m.s. 109.

dan bukannya mencari isu-isu baru supaya mendapat perhatian.⁴¹ Muslimat PAS tidak boleh disamakan dengan wanita dari parti lain. Ini kerana dokongan perjuangan mereka yang paling utama ialah untuk mendukung dan membantu menjayakan matlamat perjuangan Islam yang menjadi teras kepada penubuhan parti yang disertai iaitu parti PAS.⁴² Meskipun perubahan dalam DMP adalah perlu tetapi percubaan untuk menggugat kedudukan DMP sebagai pelengkap kepada tugas kaum lelaki akan menyebabkan berlaku ketidaktentuan fungsi muslimat serta implikasi yang negatif.⁴³

Namun begitu, persidangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara tahun 2000 penggal pertama menyaksikan kesungguhan senator wanita dalam menyuarakan isu-isu semasa. Mereka kelihatan lebih aktif, berani serta berupaya menyuarakan isu-isu yang bernes ketika berbahas. Menurut Pengurus Kelab Senator, Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman, senator-senator wanita telah menunjukkan sikap yang positif dalam menyuarakan isu-isu yang bersifat gender dan juga permasalahan nasional dan antarabangsa.⁴⁴ Kredibiliti wanita sebagai MP dan senator tidak dapat dipertikaikan lagi. Mereka petah dan lantang berhujah di dalam dewan. Daripada permerhatian yang dibuat, didapati wakil-wakil Muslimat PAS juga menunjukkan kesungguhan dan aktif mencari ruang dan peluang untuk berbahas. Mereka tidak lagi terikat kepada pertelingkahan antara parti tetapi mempunyai idea yang bernes serta menyentuh pelbagai isu. Bahkan Senator

⁴¹ Kesimpulan yang dibuat berdasarkan temubual dengan 10 orang pemimpin Muslimat PAS.

⁴² **Tamadun**, September 2000.

⁴³ Ann Wan Seng, "Benarkan wanita PAS Dipinggirkan", **Tamadun**, September 2000.

⁴⁴ **Utusan Malaysia**, 6 Mei 2000.

Safinah Jusuh berjaya menarik perhatian dewan dengan pengetahuan beliau tentang permasalahan teknologi maklumat masa kini.⁴⁵

Malah Datuk Seri Rafidah Aziz turut memuji kelantangan wanita daripada parti pembangkang yang menyuarakan masalah rakyat sungguhpun bilangan mereka sedikit.⁴⁶ Tindakan ini menyebabkan mereka dikenali dan mendapat pengiktirafan. Namun pihak pembangkang hanya mampu menyuarakan masalah-masalah yang timbul tetapi wanita dari pihak kerajaan boleh menyelesaikan dan menangani masalah-masalah berbangkit. Di samping itu, kualiti ucapan kaum wanita BN juga masih jauh ketinggalan berbanding dengan pihak pembangkang.⁴⁷ Sepatah kata YB Husni Hanadziah,

Kewibawaan seseorang wanita sebagai MP juga bergantung kepada kualiti ucapan mereka dari segi kajian dan statistik. Semakan dan kajian perlu dibuat sebelum membentangkan sesuatu isu di dalam dewan supaya memberi impak yang positif serta diberi pengiktirafan oleh MP yang lain terutama kaum lelaki...dalam hal ini, MP dari pembangkang dilihat lebih terurus berbanding dengan wanita UMNO.⁴⁸

Namun begitu, peranan wanita UMNO dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak boleh dinafikan. Beberapa orang senator wanita dari pihak kerajaan turut mempertikaikan para menteri sekiranya jawapan yang diberi tidak memuaskan terutama dalam isu yang menyentuh hal-hal wanita.⁴⁹ Menurut Senator Hazizah, peluang perlu digunakan sebaiknya oleh wakil-wakil wanita untuk mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita dan menyuarakan ketidakpuasan hati sekiranya isu tersebut tidak

⁴⁵ **Utusan Malaysia**, 6 Mei 2000.

⁴⁶ **Eksklusif**, 28 Februari-5 Mac 2000.

⁴⁷ **Ibid.**

⁴⁸ Temubual dengan YB Husni Hanadziah di Parlimen pada 17 April 2000.

⁴⁹ Pemerhatian semasa Persidangan Dewan Rakyat pada 15 Februari 2000-17 April 2000.

ditangani dengan baik.⁵⁰ Kelantangan YB Mastika Junaidah berbahas bukan sahaja dalam isu yang menyentuh mengenai wanita tetapi juga isu-isu ekonomi dan pendidikan tidak dapat dinafikan.⁵¹ YB Napsiah Omar menegaskan, seorang MP tanpa mengira lelaki atau wanita perlu memberi hujah yang berkualiti dan bukan sekadar bangun untuk membuat bising.⁵²

Jadual 7.11 menunjukkan tiada sebarang perbezaan antara responden lelaki dan wanita mengenai isu-isu yang perlu diutamakan oleh wanita dalam politik. Kedua-dua kumpulan responden berpendapat isu-isu yang menyentuh soal-soal peningkatan kualiti kehidupan yang lebih baik harus diberi perhatian oleh ahli politik wanita, terutama dalam perkara-perkara mengenai alam sekitar, kesihatan dan pendidikan. Di samping itu, ahli perwakilan wanita perlu memberi perhatian kepada kesejahteraan institusi keluarga seperti penyediaan taman asuhan kanak-kanak bagi wanita yang bekerja. Tidak kira wanita UMNO atau pembangkang mereka boleh memainkan peranan yang lebih berkesan melalui politik. Dengan membawa masalah seperti ini ke parlimen maka wanita dapat menarik perhatian kerajaan agar memberi tumpuan kepada masalah kaum wanita. Wanita UMNO perlu lebih agresif menangani masalah ini kerana sebagai anggota kerajaan memerintah, mereka mempunyai kemudahan untuk mempengaruhi dan melaksanakan polisi-polisi yang berkaitan dengan wanita dengan lebih berkesan. Sejajar dengan peningkatan kaum wanita dalam bidang pekerjaan maka kemudahan cuti bersalin atau taman asuhan kanak-kanak merupakan satu keperluan. Selain itu, didapati tidak ada

⁵⁰ Temubual dengan Senator Hazizah di Parlimen pada 20 April 2000.

⁵¹ Temubual dengan YB Mastika Junaidah, Ahli Parlimen Arau pada 12 April 2000.

⁵² Eksklusif, 28 Februari-5 Mac 2000.

perbezaan antara wanita UMNO di Selangor dan di Terengganu dan wanita PAS di kedua-dua negeri mengenai isu-isu yang perlu diberi keutamaan oleh wanita dalam politik.

Selain daripada itu, sepanjang persidangan dewan didapati wakil-wakil wanita juga aktif mengambil bahagian dalam menyuarakan isu-isu yang menyentuh tentang pembangunan ekonomi. Menurut pandangan responden lelaki dan wanita, perkara ini perlu ditekankan oleh wanita yang berpolitik. Ini kerana pembangunan ekonomi bergantung kepada penglibatan aktif masyarakat termasuk wanita terutama dalam bidang-bidang insdutri dan korporat. Jelasnya, gender tidak mempengaruhi keutamaan isu-isu yang perlu diberi perhatian oleh ahli politik wanita.

Responden lelaki dan wanita turut menekankan tentang keperluan kepada wanita untuk menyuarakan isu-isu yang menyentuh soal-soal sosial ini ke arah penghidupan yang lebih baik. Ini menunjukkan bahawa terdapat satu anggapan yang mengukuhkan peranan wanita dalam politik yang selaras dengan tanggungjawab di rumah iaitu memastikan kesejahteraan rumahtangga dan menjaga kebajikan ahli-ahli yang menghuninya.

Jadual 7.11: Taburan Min Keutamaan Isu-isu Yang Perlu Ditekankan oleh Wanita

ISU-ISU	WANITA	KEDUDUKAN	LELAKI	KEDUDUKAN
Kesejahteraan Institusi Keluarga dengan menekankan hal-hal penjagaan kanak-kanak	2.50	2	3.56	2
Menitikberatkan isu-isu yang menyentuh kepada penghidupan yang lebih baik seperti isu alam sekitar, kesihatan dan pendidikan	2.41	1	3.49	1
Penyertaan kaum wanita dalam bidang industri dan korporat secara aktif	3.53	3	4.08	3
Memberi sokongan kepada kerajaan dalam apa jua isu yang dibangkitkan	4.04	5	4.82	5
Menyentuh tentang pembangunan ekonomi	5.04	6	4.86	6

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Responden wanita mengatakan perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin lelaki, ialah isu '*quality of life*' atau isu berkaitan dengan alam sekitar, kesihatan dan pendidikan, pembangunan ekonomi serta kesejahteraan institusi keluarga. Manakala responden lelaki pula berpendapat isu berkaitan dengan alam sekitar, kesihatan dan pembangunan, kesejahteraan institusi keluarga dan mempertingkatkan kedudukan wanita dalam bidang pekerjaan perlu diberi penekanan utama. Menurut statistik, perbezaan yang nyata terdapat dalam dua isu iaitu memberi sokongan kepada kerajaan dalam apa jua isu yang dibangkitkan dan pembangunan ekonomi. Min yang diperolehi oleh responden lelaki dalam kedua aspek ini adalah lebih tinggi berbanding dengan responden wanita. Ini menunjukkan responden lelaki lebih menekankan pemimpin lelaki untuk mengutarakan kedua isu ini. Pembangunan ekonomi dianggap bidang yang tidak

berkaitan dengan wanita dan didominasi oleh kaum lelaki maka kaum lelaki sahaja difikirkan layak untuk menyuarakan isu ini.

Antara isu-isu yang perlu diutarakan oleh wanita sekiranya mereka terlibat dalam politik pada pandangan responden ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan penghidupan yang lebih baik seperti penjagaan alam sekitar, kesihatan dan juga pendidikan. Penjagaan institusi keluarga dan pembangunan wanita dalam bidang pekerjaan serta isu tentang pembabitan wanita dalam bidang korporat perlu juga diberi perhatian. Responden wanita lebih mengutamakan isu yang menyentuh tentang penghidupan yang lebih baik diikuti oleh kesejahteraan institusi keluarga dan penyertaan wanita dalam bidang korporat. Responden lelaki turut memberi pilihan pandangan yang sama. Oleh itu, Jadual 7.12⁵³ dengan jelas menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang ketara berhubung dengan isu yang perlu ditekankan oleh wanita dan lelaki. Seperti yang dinyatakan oleh YB Nasharudin,

...bila membahaskan isu dalam parlimen, perbahasan itu terbuka dan sesiapa saja boleh membahaskannya, tidak kira ianya isu lelaki atau wanita. Jadi tidak semestinya bila tidak ada calon wanita kita tak boleh buat komen yang membina.⁵³

Kenyataan YB Nasharuddin mungkin sekadar untuk menjustifikasi kedudukan PAS yang tidak mempunyai wanita di peringkat kepimpinan atau sebagai MP. Presiden Pas sendiri turut perihatin dengan ketiadaan wanita PAS dalam Dewan Rakyat bagi sama-sama menyuarakan masalah wanita sebagaimana yang dilakukan oleh wanita UMNO.⁵⁴

⁵³ Temubual dengan YB Nasharuddin Isa di Parlimen pada 13 April 2000.

⁵⁴ Temubual dengan YB Dato' Fadhil Noor di Parlimen pada 28 Mac 2000.

Penyertaan kaum wanita dijangka boleh membawa perubahan kepada kepentingan isu-isu sosial. Kaum wanita bukan lagi agen yang pasif atau konservatif dalam politik tetapi aktif mengemukakan dan cuba menyelesaikan isu-isu yang timbul. Tidak dinafikan golongan politik wanita mengambil berat tentang perubahan sosial dan sedaya upaya mengetengahkan isu-isu ini. Tetapi adakah ini bermakna bahawa ahli politik wanita hanya berminat tentang masalah ibu tunggal, gejala sosial di kalangan muda-mudi atau kes-kes syariah sahaja?

Persoalan ini timbul kerana wujud jurang gender dalam merealisasikan matlamat penglibatan wanita dan lelaki di dalam politik. Wanita dikatakan lebih progresif dalam hal-hal sosial berbanding dengan lelaki. Rosnah Tahir (1977) yang memetik daripada Robert Lane (1959) mendakwa bahawa pandangan serta sikap kaum wanita banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai moral dan ideal-ideal untuk kebaikan masyarakat.⁵⁵ Kajian beliau menunjukkan walaupun kaum wanita sudah menikmati pembangunan pendidikan, peluang pekerjaan yang luas dan memainkan peranan yang sama penting seperti lelaki tetapi mereka masih dikaitkan dengan masalah kehidupan domestik. Sebagai ibu, wanita dijangka mengambil berat isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan kanak-kanak dan kekeluargaan. Ini disokong oleh kajian Louise Harris (1972) yang menyatakan bahawa wanita lebih berkesan dalam mengendalikan isu-isu yang melibatkan kekeluargaan, sastera dan hak pengguna manakala kaum lelaki pula pakar dalam bidang perniagaan dan pertahanan.⁵⁶ Tetapi adakah kerana wanita sering dikaitkan dengan isu-isu sosial maka

⁵⁵ Sila lihat perkara ini dalam Rosnah Tahir, "Penyertaan Politik di Kalangan Wanita Melayu: Satu Kajian Kes Ke atas Kegiatan Wanita Melayu Umno di Kampung Baru, Latihan Ilmiah, 1976/1977, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, m.s. 209.

⁵⁶ Sapiro, op.cit., m.s. 144.

mereka tidak mampu menjadi ahli politik yang berkaliber? Soalnya, isu-isu sosial juga perlu diberi perhatian dan kerana wanita merupakan golongan yang lebih peka tentang perkara ini. maka isu-isu seperti ini dikaitkan dengan mereka. Secara tidak langsung ia menunjukkan ahli politik tidak meletakkan gejala sosial sebagai suatu perkara yang memerlukan perhatian serius pihak kerajaan. Isu-isu sosial sering dianggap remeh dan diberi status yang marginal.

Noraini Abdullah (1994) pula mendakwa, kebanyakan para pemimpin wanita tidak serius dalam menangani masalah kaum wanita. Isu-isu seperti keganasan rumahtangga dan kes rogal selalunya ditekankan oleh badan-badan bukan kerajaan. Lazimnya, pemimpin wanita juga terpengaruh untuk memperolehi kuasa dan pengaruh yang secara tidak langsung menyebabkan mereka menerima dan akur kepada budaya politik pemimpin lelaki.

Dalam persidangan Parlimen pada bulan Februari 2000, wakil wanita dari Batu Gajah dan Bukit Mertajam mendakwa wakil dari Ipoh Timur dan Kinabatangan telah mengeluarkan pengucapan yang berbau seksual. Sesetengah wakil wanita menganggap isu ini sengaja diperbesarkan oleh pihak lawan. Ahli Parlimen Kinabatangan dan Ahli Parlimen Ipoh Timur mencelah untuk meminta penjelasan/laluan dengan ungkapan ‘boleh masuk sedikitkah’ dan ‘penjelasan tidak bolehkah? Beri masuk sedikitlah’,⁵⁷ sedangkan ungkapan yang perlu digunakan ialah ‘Minta Laluan’, Minta Penjelasan”, atau “Minta Jalan’. Kedua ahli parlimen lelaki ini mendakwa mereka tidak bermaksud apa-apa dan

⁵⁷ Pemerhatian semasa persidangan Dewan Rakyat pada 21 Februari 2000 .

celahan yang digunakan merupakan suatu kebiasaan di Sabah.⁵⁸ Tetapi mimik muka dan gaya yang agak kurang sopan dan diikuti oleh gelak ketawa ahli-ahli Parlimen yang lain, menjadikan dakwaan ini agak sukar untuk diterima.⁵⁹ Ahli Parlimen Batu Gajah dan Bukit Mertajam menyatakan ketidakpuasan hati mereka kerana pengucapan dan tingkahlaku yang dipamerkan menunjukkan adanya unsur-unsur yang melanggar Kod Amalan Pencegahan Gangguan Seksual di tempat kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 1999.⁶⁰ Kod Amalan ini telah diperkenalkan bertujuan untuk mencegah sebarang bentuk gangguan seksual di tempat kerja. Isu-isu seperti ini tidak pula diberi perhatian walhal ia merupakan pemasalahan semasa yang melibatkan wanita dan memerlukan perhatian banyak pihak. Seorang Timbalan Menteri menyebut, gangguan tersebut hanya sebagai gurauan tetapi kaum wanita terlalu sensitif. Tambahan pula gangguan seksual berlaku dalam pelbagai cara sama ada melalui perkataan, fizikal dan pergerakan badan.⁶¹

Selain daripada itu, gaya persempahan dan isi kandungan ucapan yang dibuat oleh lelaki dan wanita juga berbeza. Kebanyakan wakil PAS terutama golongan tua terlalu terikat dengan isu-isu yang berkaitan dengan agama berbanding dengan isu-isu lain seperti ekonomi dan teknologi maklumat.⁶² Namun begitu terdapat beberapa orang wakil PAS yang cukup bersedia dengan teks ucapan yang lengkap apabila berdebat.

⁵⁸ *The Star*, 25 Februari, 2000.

⁵⁹ Pemerhatian semasa persidangan Dewan Rakyat pada 21 Februari 2000.

⁶⁰ *The Star*, 25 Februari , 2000.

⁶¹ Temubual dengan YB Dr. Latif Ahmad pada 24 April 2000 dan YB Husni Hanadziah pada 17 April 2000 di Parlimen.

⁶² Sila lihat juga *Sunday Star*, 30 April 2000.

Begitu juga dengan ucapan-ucapan yang diberikan oleh wakil wanita UMNO. Walaupun jarang berpeluang mendapat laluan untuk berhujah namun mereka tetap tampil dengan idea-idea yang bernes dan melibatkan diri dalam setiap isu yang diperbahaskan. Wakil-wakil wanita DAP juga agak agresif dan kerap membuat percubaan untuk bersuara tetapi kadangkala ucapan mereka tidak jelas butir-butirnya. Ini mungkin disebabkan oleh faktor bahasa. Namun begitu, wakil-wakil DAP lebih giat menyuarakan permasalahan wanita berbanding dengan wakil wanita UMNO di dalam dewan. Sayang sekali, dewan agak jarang mendengar wakil tunggal Parti Keadilan berucap. Beliau lebih suka mendiamkan diri. Melihat kepada bilangan wakil lelaki yang lebih ramai maka tidak hairanlah mereka menguasai dewan ketika berdebat.⁶³ Pun begitu tidak ramai di kalangan mereka yang betul-betul bersedia. Adakala idea-idea yang dikeluarkan tidak relevan dan terkeluar dari topik perbahasan.

Selain daripada itu, didapati wakil wanita lebih bersopan di dalam parliment. Mereka tidak membuat sebarang provokasi kepada pihak lawan ataupun kaum lelaki. Kebanyakan wakil wanita amat berhati-hati apabila berdiri untuk membahaskan usul atau memberi ucapan. Menurut salah seorang wakil wanita kadang-kadang mereka akan berbincang dengan kaum lelaki sebelum besuara di dalam dewan. Keadaan ini amat berlainan dengan wakil lelaki yang sentiasa mencari helah dan peluang untuk bercakap atau mengecil-ngecilkan pihak lawan.

⁶³ Bilangan lelaki di dalam Dewan Rakyat ialah 150 orang manakala dalam Dewan Negara pula ialah seramai 46 orang

Sewaktu seorang Setiausaha Parlimen mengeluarkan kenyataan bahawa wanita tempatan mengahwini pendatang haram hanya untuk mendapatkan kestabilan ekonomi, seorang senator wanita telah memberi reaksi yang membantah kenyataan tersebut. Beliau telah mempersoalkan kenyataan ini dan akibatnya beliau ‘disorak’ di luar dewan. Tindakan ini menunjukkan sikap ahli politik lelaki yang tidak matang yang sering mencetuskan provokasi bukan sahaja kepada parti lawan tetapi juga golongan wanita. Apabila ahli politik wanita menunjukkan sikap mempertahankan terhadap kenyataan mereka maka wanita ini akan dianggap terlalu serius atau terlalu sensitif.

Kesimpulannya, bab tujuh berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk melihat sikap dan tingkahlaku politik wanita dan hubungannya dengan perkembangan penyertaan wanita dalam bidang politik. Ia memperlihatkan bahawa ketaksamaan hubungan gender dalam politik mempengaruhi budaya berpolitik responden lelaki dan wanita PAS dan UMNO dalam kajian ini. Ia menyentuh beberapa aspek dalam orientasi politik termasuk kegiatan politik, perbincangan politik, penilaian politik serta isu-isu perjuangan wanita yang menggambarkan pendekatan dan sikap lelaki dan wanita dalam dunia politik itu sendiri. Oleh itu adalah diakui sememangnya wujud perbezaan tingkahlaku politik antara wanita dan lelaki. Ini menyebabkan jurang gender yang sedia ada dalam masyarakat diperkuuhkan lagi dengan pendekatan yang berlainan di antara kedua jantina ini dalam politik. Perbezaan ini secara tidak langsung menerangkan mengapa hanya sebilangan kecil wanita yang mampu aktif dan berjaya serta maju dalam bidang yang dianggap hak dan dikuasai oleh kaum lelaki. Malah ia menggariskan dengan jelas pengaruh budaya masyarakat Melayu yang mencorak budaya berpolitik kaum lelaki dan wanita. Namun begitu, didapati tidak ada perbezaan budaya berpolitik yang ketara di antara responden

daripada Terengganu dan Selangor. Penulis menegaskan di sini bahawa perbincangan dalam bab ini hanya mewakili segelintir ahli PAS dan UMNO dari negeri Selangor dan Terengganu. Reaksi mereka terhadap isu-isu yang dibincangkan ini bukanlah mewakili pandangan keseluruhan ahli PAS dan UMNO.

KESIMPULAN

Kajian ini melihat hubungan gender dan politik dalam masyarakat Melayu dengan menggunakan rujukan kes kepada wanita UMNO dan PAS di Terengganu dan Selangor. Kajian ini tidak mewakili pandangan dan pendirian kesemua ahli parti UMNO dan PAS sama ada lelaki atau wanita. Ia cuma memberi gambaran tentang pandangan segelintir ahli wanita dan lelaki di dalam UMNO dan PAS daripada negeri Terengganu dan Selangor mengenai hubungan gender dan kaitannya dalam arena politik. Walaupun sampel dipilih daripada kedua-dua negeri tersebut tetapi penekanan penganalisaan adalah lebih tertumpu kepada pandangan responden mengikut jantina dan parti yang dianggotai. Penulisan kajian ini dibuat mengikut rangka konsep yang ditunjukkan dalam rajah berikut.

KERANGKA KONSEP PERBINCANGAN KAJIAN

Kerangka Teori	Huraian Bab	Objektif	Hipotesis
Budaya Masyarakat Melayu	<p>Bab 5: Demografi vs Penglibatan wanita dalam Politik</p>	<p>1. Meneliti hubungan gender dalam Politik Melalui penglibatan wanita UMNO dan PAS. Analisa kajian akan tertumpu kepada latar belakang demografi bagi tahap penglibatan politik kaum wanita.</p> <p>Bab 6: Ekspektasi Peranan Gender Vs Penglibatan wanita dalam politik</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diskriminasi wujud dalam politik hingga membataskan penglibatan wanita secara lebih berkesan 2. Keteksamaan hubungan gender menyebabkan wujudnya jurang perbezaan dari segi bilangan wanita di peringkat pucuk pimpinan 3. Wanita UMNO menunjukkan kemajuan yang lebih besar dalam politik berbanding dengan wanita PAS dari segi sikap positif terhadap politik dan potensi untuk membaik wanita kepada kedudukan yang lebih baik di peringkat membuat keputusan

Bab 7: Budaya Masyarakat Melayu vs Penglibatan wanita dalam politik

Sumber: Kajian Penulis (2002)

Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan "historical-structural", pengkaji menyediakan bab empat sebagai latar belakang untuk penganalisan dalam bab-bab seterusnya. Bab ini menyediakan latar belakang wanita Melayu dalam politik dalam dua parti Melayu yang utama iaitu PAS dan UMNO. Ia dengan jelas memberi gambaran tentang kedudukan wanita dalam politik mengikut prinsip dan dasar perjuangan parti yang dianggotai oleh mereka. Walaupun kedua parti ini mendakwa memberi layanan dan peluang yang sama kepada ahli lelaki atau perempuan tetapi kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur ketakseimbangan kuasa dalam politik. Para ahli wanita masih tidak menerima layanan sama adil daripada pemimpin parti yang kebanyakannya terdiri daripada kaum lelaki. Peluang kaum hawa untuk berjaya dan berada di peringkat kepimpinan dalam politik adalah rendah. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku. Tetapi kajian ini mengemukakan tiga konsep yang dianggap memainkan peranan besar mempengaruhi dan mencorak pola penglibatan wanita dan kedudukan mereka dalam politik. Ketiga-tiga konsep yang dimaksudkan itu ialah legitimasi politik, diskriminasi politik dan budaya masyarakat Melayu. Pengkaji percaya faktor utama yang menetapkan peranan tertentu kepada wanita dan lelaki di dalam politik ialah budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Hubungan gender dalam masyarakat Melayu adalah tidak seimbang kerana budaya ini telah menetapkan peranan wanita adalah berbeza daripada kaum lelaki. Wanita dipertanggungjawabkan dengan kerja-kerja domestik dan diikat dengan imej tradisional yang tidak memberi peluang yang sama kepada mereka untuk berkecimpung dalam arena awam.

Pengkaji mendapati faktor budaya masyarakat Melayu memainkan peranan yang besar mencorak hubungan gender dalam politik. Struktur budaya masyarakat Melayu

telah membentuk dan menentukan peranan yang berbeza di antara lelaki dan wanita. Kaum lelaki dianggap sebagai pelindung dan penjaga kebajikan kaum wanita. Di dalam *arena peribadi*, kaum lelaki dipertanggungjawabkan sebagai ketua keluarga. Konstruk gender yang berbeza ini kemudiannya diperkuatkan lagi dalam arena awam termasuk politik. Kaum wanita terpaksa berhadapan dengan struktur dan persepsi masyarakat yang menyokong kepimpinan lelaki menyebabkan mereka dipandang hanya layak sebagai seorang ibu dan isteri sahaja, bukan sebagai pemimpin politik. Oleh kerana itu, walaupun terdapat segelintir bilangan wanita yang diterima sebagai pemimpin dalam bidang politik tetapi golongan ini dikaitkan pula dengan faktor legitimasi. Apa yang dimaksudkan di sini ialah keberangkalian seseorang wanita untuk diterima dalam politik bergantung kepada sokongan yang diterima daripada kaum lelaki secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuk mendapat sokongan kerana ayah atau suami merupakan 'orang politik' atau kerana hubungan yang baik dengan pemimpin politik lelaki. Malah kerana adanya unsur-unsur diskriminasi dalam politik juga membatas penglibatan wanita dalam politik amnya dan di peringkat kepimpinan khususnya.

Perkembangan kedudukan wanita Melayu dalam politik dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Tetapi faktor yang paling penting berkaitan dengan penglibatan wanita dalam politik ialah kedudukan wanita mereka dalam struktur masyarakat Melayu. Sejarah masyarakat tradisional Melayu telah membuktikan wanita Melayu memainkan pelbagai peranan dalam masyarakat. Bagaimanapun, peranan ini adalah berdasarkan kepada perbezaan biologi yang wujud antara lelaki dan wanita. Perbezaan ini menyebabkan wanita Melayu pada zaman tradisional mempunyai status yang lebih rendah berbanding

dengan kaum lelaki, walaupun kadangkala ada beberapa orang wanita menonjol sebagai pemimpin politik atau negeri.

Secara keseluruhannya, budaya masyarakat Melayu tidak meletakkan wanita sama taraf dengan kaum lelaki. Ketaksamaan hubungan gender dalam budaya Melayu ini jelas ketara melalui peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita dalam institusi keluarga. Wanita ditempatkan di rumah sebagai ibu dan isteri serta terpaksa melakukan tugas-tugas yang tertentu. Perbezaan didikan antara anak lelaki dan anak perempuan juga menuju ke arah tersebut. Malah kebebasan bersosial juga berteraskan perbezaan itu. Anak lelaki dibenarkan melibatkan diri dalam kegiatan sosial di luar rumah. Sementara anak perempuan pula diasuh supaya pandai menguruskan keperluan rumah tangga. Jikalau terlibat dalam kegiatan luar sekalipun, ianya agak terbatas dan tertumpu kepada aktiviti yang melibatkan kemahiran domestik.

Kaum lelaki juga terlebih dahulu didedahkan kepada pendidikan melalui pendidikan agama. Bagi kaum wanita, mereka tidak mendapat peluang pendidikan yang besar. Setelah mencapai umur tertentu, anak perempuan terpaksa menyiapkan diri untuk dikahwinkan. Pendek kata, kedudukan kaum wanita dalam masyarakat Melayu tradisional amat *rigid* berbanding dengan kaum lelaki. Hubungan gender ini menjadi teras kepada tatacara hidup masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun kedudukan wanita Melayu mulai berubah apabila mereka didedahkan kepada pendidikan secular. Rentetan daripada pendidikan yang diterima dan kesedaran untuk meningkatkan kehidupan wanita Melayu, ia telah membuka jalan kepada

golongan intelektual ini untuk melibatkan diri dalam persatuan dan pergerakan sosial. Melalui pergerakan sosial ini juga wanita mendapat pendedahan awal dalam kehidupan awam dan mula melibatkan diri dalam politik. Peranan kaum wanita dalam politik juga memperkuuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat.

Tiga objektif utama yang dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini telah dicapai dan dibincangkan dalam bab lima, enam dan tujuh. Objektif pertama untuk meneliti hubungan gender dalam politik melalui penglibatan wanita UMNO dan PAS dibuat dengan menumpukan penganalisaan kepada latar belakang demografi bagi tahap penglibatan politik kaum wanita. Pengkaji telah meneliti hubungan gender dalam politik melalui penglibatan wanita UMNO dan wanita PAS serta kaum lelakinya dari kedua-dua parti, faktor-faktor yang mendorong, faktor-faktor yang menghalang dan sumber maklumat para responden. Manakala objektif kedua untuk meneliti ekspektasi peranan dan bagaimana ia mempengaruhi pola penglibatan wanita dalam politik dibuat dengan melihat sama ada terdapat perbezaan atau persamaan di antara kumpulan responden kawalan iaitu wanita UMNO dan wanita PAS serta lelaki UMNO dan lelaki PAS, mengenai persepsi mereka terhadap peranan gender dalam politik. Pengkaji melihat perspektif responden mengenai politik dan pandangan mereka terhadap kedudukan wanita dengan mengambilkira peranan wanita dalam politik, wanita sebagai wakil rakyat, kedudukan wanita di peringkat membuat keputusan dan kepimpinan. Objektif ketiga iaitu untuk melihat sikap dan tingkahlaku politik wanita dan hubungannya dengan perkembangan penyertaan wanita dalam bidang politik juga tercapai. Ini dibuat dengan melihat kegiatan politik mereka, perbincangan politik, pemilihan pemimpin politik, aktiviti

politik, pendekatan dan sikap dalam politik, wanita sebagai ketua negara dan isu-isu perjuangan wanita dalam politik.

Terdapat tiga hipotesis yang ingin dibuktikan dalam kajian ini iaitu, diskriminasi gender sememangnya wujud dalam politik dan membataskan penglibatan secara lebih berkesan; kedua, ketaksamaan hubungan gender yang ada dalam masyarakat menyebabkan wujudnya jurang perbezaan dari segi bilangan wanita di peringkat membuat keputusan dan ketiga, wanita UMNO telah menunjukkan kemajuan yang lebih baik dalam politik berbanding dengan wanita PAS dari segi perwakilan di peringkat membuat keputusan.

Dalam bab lima, partisipasi gender dalam politik dinilai dengan menumpukan penganalisaan kepada konsep legitimasi politik dengan mengambilkira faktor-faktor demografi dan kaitannya dengan penglibatan wanita dalam politik. Objektif utama dalam bab ini ialah untuk meneliti hubungan gender dalam politik melalui penglibatan wanita UMNO dan wanita PAS. Sementara itu, hipotesis digunakan sebagai mangkin untuk perbincangan kajian ialah diskriminasi gender membataskan penglibatan wanita dalam politik. Kajian kes menunjukkan bahawa sememangnya corak partisipasi kaum lelaki dan kaum wanita dalam politik adalah berbeza. Dengan kata lain terdapat faktor gender yang mempengaruhi pola penglibatan mereka. Berdasarkan kepada faktor-faktor yang mendorong wanita dan lelaki untuk berpolitik, didapati wanita lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam politik kerana faktor luaran seperti pengaruh suami dan dorongan daripada ahli keluarga. Manakala partisipasi kaum lelaki pula dipengaruhi oleh minat dan kesedaran yang timbul melalui kesedaran agama dan pendidikan. Jelasnya di sini kaum

wanita masih mempunyai pergantungan yang kuat terhadap kaum lelaki bagi melibatkan diri dalam bidang politik. Ini kerana dunia wanita masih bersekitarkan kepada arena peribadi yang mengikatkan mereka kepada institusi keluarga. Oleh itu, adalah sukar bagi mereka untuk keluar dari dominasi arena ini tanpa sokongan daripada ahli keluarga lelaki. Kemasukan atau pengaliran kaum wanita dalam bidang politik yang lazimnya didominasi oleh kaum lelaki lebih mudah sekiranya mendapat sokongan daripada kaum adam ini.

Selain daripada itu, didapati juga sampel dalam kajian ini sama ada ahli politik wanita dan lelaki, terpaksa berhadapan dengan halangan yang serupa iaitu dari segi masa. Kedua-dua kumpulan responden berpendapat faktor masa membataskan penglibatan aktif mereka dalam politik. Bagaimanapun jika dibuat perbandingan di antara kedua kumpulan jantina ini, golongan wanita mempunyai lebih banyak halangan. Mereka bukan sahaja terpaksa berdepan dengan faktor masa, tetapi juga soal kurang sokongan daripada keluarga, struktur parti yang tidak mesra kepada wanita dan faktor kekurangan kewangan. Manakala kaum lelaki, selain daripada faktor masa, penglibatan dalam perkhidmatan awam sedikit sebanyak membataskan kegiatan politik mereka. Struktur parti juga antara halangan yang terpaksa mereka tempuh namun ia bukanlah cabaran yang utama seperti yang dihadapi oleh wanita. Kerana masalah pembahagian masa, bagi wanita yang berumahtangga dan bekerja, masalah akan timbul dari segi kurang jaringan maklumat dan perhubungan serta kurang pendedahan kepada senario politik yang luas sehingga menyebabkan timbulnya ketidakyakinan masyarakat terhadap kemampuan wanita sebagai pembuat perancangan atau keputusan penting. Hal ini berlaku kerana peranan sebagai pekerja dan pengurus rumahtangga sudah merupakan satu tanggungjawab yang berat.

Apatah pula dengan tanggungjawab sebagai seorang aktivis politik yang memerlukan komitmen dan perhatian yang besar. Ini semua memerlukan masa yang banyak.

Pada pandangan responden Terengganu dan Selangor dalam kajian kes ini, walaupun kaum wanita dan lelaki berhadapan dengan halangan yang hampir sama tetapi, peranan wanita sebagai ibu dan isteri menyebabkan mereka perlu memainkan pelbagai peranan yang menjurus kepada beban tugas yang berlebihan berbanding dengan kaum lelaki. Masyarakat tidak menyalahkan kaum bapa apabila berlaku kepincangan rumah tangga atau masalah sosial di kalangan anak-anak. Sebaliknya kaum ibu yang menjadi tumpuan dan dipersoalkan. Inilah yang mendasari pemikiran kaum wanita sehingga mereka terpaksa mengurangkan penglibatan mereka dalam kegiatan politik.

Bab enam pula menggunakan konsep diskriminasi gender untuk menghuraikan ekspektasi peranan gender dan kaitannya dengan penglibatan wanita dalam politik. Walaupun konsep diskriminasi gender menjadi dominan dalam perbincangan bab ini tetapi budaya masyarakat Melayu yang merupakan faktor besar mempengaruhi penglibatan wanita dalam politik turut disentuh. Bab ini cuba mencapai objektif kedua kajian iaitu meneliti ekspektasi peranan gender dan bagaimana ia mempengaruhi pola penglibatan wanita dalam politik. Ianya dibuat dengan mengkaji persamaan dan perbezaaan antara responden lelaki dari UMNO dan responden wanita dari PAS. Persepsi kedua kumpulan responden dari Terengganu dan Selangor ini mengenai ekspektasi peranan gender di dalam politik merupakan asas kepada penganalisaan bab enam. Manakala hipotesis yang dijadikan teras perbincangan pula ialah, ketaksamaan hubungan gender menyebabkan wujudnya jurang perbezaan dari segi bilangan wanita di peringkat

kepimpinan serta wanita UMNO menunjukkan sikap yang lebih positif berbanding dengan wanita PAS dan potensi untuk membawa wanita kepada kedudukan yang lebih baik di peringkat membuat keputusan. Hasil kajian kes menyokong kewujudan nilai sosio-budaya masyarakat Melayu yang menyumbang kepada ketaksamaan hubungan gender terutama dalam arena awam seperti politik. Sikap segelintir individu dalam masyarakat lelaki dan perempuan yang masih berpandangan stereotaip mengenai tanggungjawab dan kewibawaan wanita menyebabkan jurang gender yang sedia ada makin ketara. Dan dalam konteks kajian ini, persepsi responden lelaki dan responden wanita cukup jelas mencerminkan hubungan gender yang tidak egalitarian dalam politik.

Para sampel dalam kajian ini mendakwa politik tidak hanya boleh dikaitkan dengan kaum lelaki malah ia lebih merupakan bidang yang meletakkan tanggungjawab kepada segelintir ahli masyarakat untuk mentadbir dan memenuhi keperluan majoriti ahli yang lain. Namun begitu dari segi penyelewengan dalam politik rata-rata berpendapat ahli politik lelaki lebih cenderung untuk melakukan penyalahgunaan kuasa. Ini sudah tentu bertentangan dengan tanggapan umum yang mengatakan kaum lelaki mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang lebih baik daripada wanita. Sebaliknya, tidak ramai ahli politik wanita yang dikaitkan dengan masalah penyelewengan wang atau menyalahgunakan kuasa. Ini sepatutnya memberi satu imej yang lebih baik kepada masyarakat untuk menerima wanita sebagai ahli politiknya amnya atau pemimpin politik khasnya.

Secara umumnya sama ada lelaki atau wanita UMNO dan PAS dari Terengganu dan Selangor, majoriti menyokong penglibatan wanita dalam politik sekiranya mereka menunjukkan potensi seorang ketua yang baik. Pada pandangan responden kajian, wanita

menikmati persamaan dengan kaum lelaki untuk menceburi politik. Tetapi, unsur-unsur ketaksamaan gender jelas apabila terdapat segelintir responden lelaki dan wanita yang berpendapat bahawa wanita tidak mempunyai kebolehan sepertimana kaum lelaki dan lebih beremosi. Wanita dikatakan tidak mempunyai sifat-sifat yang diperlukan sebagai pemimpin. Anggapan ini menyebabkan wanita tidak diberi peluang yang sewajarnya sebagaimana kaum lelaki untuk berkecimpung dalam politik ke tahap yang lebih tinggi iaitu di peringkat kepimpinan misalnya. Perkara ini berkait rapat dengan sifat-sifat kewanitaan seorang wanita yang mencerminkan imej tradisional sebagai pembantu suami dan ibu dalam arena domestik. Tambahan pula kebanyakan aktiviti yang dijalankan oleh sayap kiri (bahagian wanita) pertubuhan parti-parti politik atau pertubuhan lain memberi gambaran dan lebih menjurus kepada pengukuhan semula hubungan gender yang sedia ada. Amalan mendiskriminasi wanita semata-mata kerana hubungan gender yang tidak egalitarian dalam masyarakat serta memberi alasan yang berbentuk negatif terhadap kaum hawa menyebabkan mereka akan sentiasa terpinggir dalam arena awam. Kajian menunjukkan bukan hanya ahli masyarakat lelaki yang menolak kebolehan wanita di peringkat membuat keputusan atau kepimpinan bahkan rasa sangsi dan kecurigaan itu juga datangnya daripada kaum wanita sendiri.

Status wanita sebagai golongan yang berwibawa dalam arena awam terutama politik masih dibayangi dengan anggapan bahawa kaum lelaki lebih baik daripada kaum wanita. Ini jelas diakui oleh 42.6% responden lelaki daripada negeri Terengganu dan Selangor. Namun begitu majoriti responden wanita menolak dakwaan ini terutama wanita PAS. Diskriminasi gender masih wujud dan terbukti melalui penerimaan masyarakat terhadap wanita sebagai wakil rakyat, perancang dan pemimpin di peringkat membuat

keputusan. Ianya ketara melalui pelabelan masyarakat terhadap kesesuaian bidang tugas di antara kaum lelaki dan kaum wanita kerana kaum lelaki tetap dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas besar atau jawatan-jawatan penting sebagai seorang pemimpin dan pemutus dasar. Sebaliknya wanita terus dilabelkan dengan tugas-tugas sokongan misalnya sebagai ahli politik biasa atau wakil rakyat sahaja dan bukannya sebagai menteri besar atau perdana menteri.

Kewujudan diskriminasi gender dalam politik yang ketara ialah bilangan wakil rakyat daripada kalangan wanita amat rendah berbanding dengan kaum lelaki. Parti PAS misalnya tidak langsung meletak calon wanita dalam pilihanraya. Sebaliknya senator-senator dilantik daripada kalangan wanita. Meskipun perkara ini adalah satu pengiktirafan kepada kaum wanita PAS untuk sama-sama berhujah dalam dewan negara akan tetapi dasar PAS yang tidak membenarkan wanita sebagai calon pilihanraya dilihat merendahkan sumbangsan yang diberi oleh ahli-ahli wanita. Bagi PWU pula, dari tahun ke tahun bilangan wanita yang dipilih sebagai calon semakin meningkat dan ini merupakan satu kemajuan bagi kedudukan wanita dalam politik. Sayangnya, pengkaji bependapat bilangan yang meningkat ini masih tidak setara dengan sumbangsan yang diberikan oleh PWU semenjak UMNO ditubuhkan hingga ke hari ini. Bilangan calon wanita UMNO masih jauh lebih kecil apabila dibandingkan dengan calon lelaki. Pengiktirafan yang diberikan kepada tenaga kerja kaum wanita masih tidak memuaskan.

Penolakan wanita sebagai pemimpin tinggi dalam parti politik menggambarkan hubungan gender yang tidak seimbang dalam masyarakat. Walaupun kaum wanita hari ini mula membanjiri bidang awam yang secara tradisi menjadi dominasi kaum lelaki tetapi

konstruk gender yang sedia ada dalam masyarakat Melayu menimbulkan kesangsian terhadap kebolehan dan kemampuan wanita sebagai pemimpin. Majoriti responden wanita dan lelaki dari dua parti Melayu yang utama iaitu PAS dan UMNO berpendapat sememangnya diskriminasi gender masih wujud dalam politik. Antara alasan yang diberikan berikut dengan fenomena ini ialah kerana wanita tidak diberi peluang yang sama seperti kaum lelaki untuk bergiat aktif dalam bidang ini. Malah sekiranya kaun wanita dilantik dalam kepimpinan negara portfolio yang dipegang juga masih mencerminkan ketaksamaan gender. Ada juga segelintir responden lelaki dan wanita yang berpendapat tanggapan negatif masyarakat terhadap ahli politik wanita juga membataskan penglibatan mereka secara lebih berkesan. Kesimpulannya, bab enam menunjukkan bahawa ekspektasi peranan gender yang dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu tradisional telah mencorak penglibatan wanita dalam politik. Ternyata budaya ini telah mengakibatkan wujudnya diskriminasi gender terhadap kedudukan wanita dalam politik sama ada di peringkat bawahan sebagai ahli-ahli parti atau di peringkat kepimpinan.

Sementara bab tujuh pula meninjau budaya politik lelaki dan wanita yang dicorakkan oleh budaya masyarakat Melayu. Budaya masyarakat Melayu dilihat mempengaruhi penglibatan wanita dalam politik yang seterusnya pula mewujudkan satu budaya politik yang tidak *egalitarian* atau pro kepada kaum lelaki. Objektif utama dalam bab ini ialah untuk melihat sikap dan tingkahlaku politik wanita dan hubungannya dengan perkembangan penyertaan kaum wanita dalam politik. Kajian kes ini membuktikan bahawa budaya berpolitik kaum wanita adalah berbeza dengan kaum lelaki. Perbezaan ini mengukuhkan lagi jurang gender yang sedia ada. Contoh yang paling jelas ialah sikap keterbukaan kaum lelaki apabila menceburi politik. Ruang komunikasi mereka bukan

hanya terbatas kepada golongan dari parti yang sama tetapi juga dari pihak lawan. Dengan sikap yang *optimistic* ini menyebabkan mereka tidak dilabel sebagai terlalu emosional atau berfikiran tertutup. Sebaliknya bagi kaum wanita yang bersikap *conventional* terhadap parti yang dianggotainya. Selain daripada itu, struktur sosial juga membolehkan kaum lelaki mempunyai jaringan sosial dan politik yang lebih luas berbanding dengan kaum wanita. Kaum wanita terikat dengan peranan mereka sebagai ibu dan isteri sehingga pergerakan mereka menjadi terbatas. Sekiranya mereka bergerak dalam arena awam sekalipun, mereka masih lagi tidak dapat lari dari tugas sebagai pengurus rumah tangga dan penjaga kebajikan keluarga.

Antara perbezaan budaya berpolitik kaum wanita dengan lelaki termasuk sikap mereka terhadap politik itu sendiri. Kebanyakan responden wanita daripada Terengganu dan Selangor ini lebih cenderung untuk berbincang perihal politik dengan pasangan masing-masing berbanding dengan pihak lain terutama jiran tetangga. Hal ini timbul kerana mereka merasakan politik adalah satu arena yang sensitif dan boleh menimbulkan pertelingkahan. Tambahan pula sekiranya jiran tetangga atau rakan-rakan berlainan parti. Namun begitu, bagi responden lelaki pula, rakan-rakan merupakan golongan utama bagi mereka untuk mengadakan perbincangan. Pengkaji percaya ini kerana lelaki lebih bersifat terbuka dan *optimistik*. Seperti yang dinyatakan tadi, ahli politik lelaki juga berkomunikasi dengan ahli parti lawan.

Statistik dalam kajian kes ini menunjukkan kriteria utama pemilihan seorang pemimpin pada pandangan responden mengikut gender ialah suara majoriti yang memilih tetapi responden wanita lebih ramai yang menekankan tentang kepentingan latar belakang

yang kuat untuk menjadi seorang pemimpin. Jelasnya responden wanita UMNO dan PAS dari Terengganu dan Selangor lebih menekankan kepentingan aspek ini berbanding dengan responden lelaki. Selain daripada itu, secara umumnya tiada perbezaan yang ketara antara golongan wanita dan lelaki apabila memilih faktor yang menentukan undi dalam pilihanraya. Kedua-dua kumpulan berpendapat faktor merupakan kriteria utama dalam menentukan undi seseorang. Namun begitu, apabila diteliti didapati penemuan yang lain ialah responden UMNO sama ada lelaki watau wanita lebih mementingkan calon apabila mengundi manakala responden PAS pula lebih mementingkan parti. Tetapi mengikut pandangan 271 orang responden ini, untuk berjaya dalam politik kredibiliti diri sendiri adalah amat penting dan bukannya bergantung kepada hubungan yang baik dengan pucuk pimpinan. Walaupun pengkaji telah menggariskan beberapa perbezaan tentang sikap politik wanita dan lelaki dalam kajian ini tetapi apabila menyentuh soal aktiviti politik didapati, para responden lelaki dan wanita masih cenderung melabelkan keutamaan bagi kaum wanita ialah berkempen untuk parti. Tetapi bagi kaum lelaki pula ialah berusaha untuk mengembangkan kerjaya politik mereka. Ini menunjukkan daripada awal penubuhan parti-parti politik ini sehingga sekarang, peranan wanita di dalamnya masih sebagai pekerja parti yang bertugas untuk menarik lebih ramai ahli dan memastikan parti terus diterima oleh masyarakat. Jelas peranan sokongan wanita masih menguasai mentaliti *politiking* kaum wanita dan lelaki daripada Terengganu dan Selangor. Sekiranya wanita sendiri bersikap demikian maka tanggapan umum bahawa peranan wanita sebagai penyokong lelaki dan subordinat dalam politik akan terus diperkuuhkan.

Malah keenggangan responden lelaki untuk menerima wanita sebagai ketua negara membuktikan bahawa masih banyak yang perlu dilakukan oleh kaum wanita untuk

mendapat pengiktirafan yang setimpal dengan usaha mereka mengangkat martabat parti khasnya dan politik umumnya ke tahap yang sedia ada. Ini boleh dilakukan melalui kempen-kempen kepekaan gender (*gender sensitization*) atau pembentukan semula identiti gender dan struktur hubungan antara lelaki dan wanita terutama dalam bidang politik.

Pengkaji yakin kajian ini telah berjaya membuktikan kebenaran hipotesis pertama dan kedua. Sememangnya peranan wanita dalam politik sebagai ahli parti dan penyokong amat memberansangkan. Namun, kekurangan bilangan mereka di peringkat pemutus dasar amat ketara. Kajian mendapati, ini berkait rapat dengan faktor pemikiran dan pengaruh budaya Melayu yang masih mengikat kaum wanita dengan peranan tradisional sebagai isteri dan ibu. Oleh sebab itu, kaum lelaki yang menguasai bidang-bidang awam terutama di peringkat kepimpinan sukar menerima wanita dalam proses membuat keputusan.

Dalam soal hubungan gender dalam politik, penekanan diberi kepada wanita UMNO dan PAS. Pengkaji mendapati walaupun dipengaruhi oleh struktur budaya Melayu yang berbentuk patriaki tetapi pihak yang memainkan peranan penting untuk meningkatkan kedudukan wanita ialah organisasi parti itu sendiri. Sebagai parti politik, dasar, perjuangan dan matlamat sesebuah parti itu adalah berbeza di antara satu sama lain. Maka sudah tentu kelompok yang menyertai parti ini juga berbeza dari segi matlamat, identiti dan keinginan mereka dalam politik. Dengan kehendak yang berbeza ini maka layanan dan cara perlaksanaan parti juga adalah berlainan. Jadi bukanlah suatu perkara yang memeranjatkan sekiranya didapati UMNO dan PAS memberi layanan yang berbeza

kepada bahagian wanita masing-masing. Sudah tentu layanan dan cara perlaksanaan dasar-dasar parti adalah memenuhi citarasa golongan yang menyertai parti tersebut.

Persoalan tentang partisipasi wanita dalam politik hari ini bukan lagi mengenai kesedaran atau galakan untuk mereka melibatkan diri secara aktif dalam bidang ini. Sebaliknya, sejauhmana wanita boleh berperanan di peringkat kepimpinan atau peringkat membuat keputusan di dalam parti. UMNO dan PAS tidak dinafikan telah membuka peluang yang sama kepada wanita untuk menjadi ahli. Tetapi perbezaan yang ketara antara kedua parti ini ialah UMNO memperuntukkan bidang tugas yang lebih besar kepada ahli wanita berbanding dengan PAS. Sekiranya seseorang wanita mempunyai cita-cita yang tinggi dalam kerjaya politik dan berharap dapat menyumbang dalam barisan kepimpinan parti, PAS tidak memberi ruang dan peluang itu. Sebaliknya di dalam UMNO, wanita lebih berpeluang untuk memenuhi cita-citanya ini.

PAS sememangnya tidak memberi peluang yang besar kepada wanita dalam barisan kepimpinan atau pemutus dasar terutama selepas tahun 1983. Bagaimanapun ahli-ahli DMP sudah mula menyuarakan keperluan kepada pemimpin PAS supaya memberi laluan kepada wanita PAS untuk turut terlibat secara langsung dalam pilihanraya. Bukan lagi sebagai pekerja parti yang aktif tetapi juga sebagai calon pilihanraya. PAS harus menerima dan menimbangkan secara serius pandangan mereka kerana golongan ini merupakan tulang belakang kepada PAS pada hari ini. Sudah tiba masanya PAS akur kepada kehendak dan memberi pengiktirafan kepada golongan wanita muda dan profesional yang lebih bersifat terbuka dan mempunyai cita rasa yang berbeza daripada ahli-ahli lama.

Walaupun pendekatan dan dasar parti yang digunakan oleh UMNO memberi galakan serta sokongan kepada kaum wanita untuk terlibat dalam kepimpinan di peringkat bawah hingga ke atas, tetapi kaum wanitanya terpaksa berjuang selama 50 tahun untuk mendapatkan jumlah kerusi yang lebih banyak. Bilangan menteri juga masih kurang sedangkan prestasi yang ditunjukkan oleh wakil wanita dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas jauh lebih baik daripada kaum lelaki. Memang benar tiap-tiap tahun jumlah wanita yang diketengahkan dalam pilihanraya semakin meningkat tetapi peningkatan itu dilihat sekadar untuk menjaga hati ahli-ahli wanita.

Boleh dikatakan dengan demikian, wanita sama ada di dalam PAS atau UMNO, peranan penting mereka dalam politik dan parti adalah sebagai pelengkap kepada kaum lelaki kerana kedudukan mereka dalam masyarakat Melayu yang pro kepada kaum adam. Faktor yang penting sekali mempengaruhi kedudukan ini ialah imej dan peranan yang perlu dimainkan oleh seorang wanita sebagai ibu dan isteri yang seharusnya mementingkan kebajikan keluarga. Kedudukan wanita dalam masyarakat didefinisikan mengikut peranan dan persepsi mereka dalam keluarga yang tidak memberi beban yang sama kepada kaum lelaki. Jikalau kaum lelaki terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam bidang politik, maka kaum wanita mula terpaksa membuktikan mereka mampu berjaya sebagai seorang wanita dan ahli politik.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penganalisaan kajian dibuat berdasarkan kepada pandangan responden mengikut kumpulan jantina dan parti yang dianggotai. Namun begitu, faktor negeri juga turut diambilkira dan dibincangkan dalam beberapa bahagian penulisan mengikut keperluan. Pengkaji mendapati tidak ada perbezaan yang

ketara apabila penganalisaan dibuat mengikut faktor negeri tetapi responden wanita Terengganu didapati lebih peka dengan ketaksamaan gender dalam struktur politik. Responden wanita Terengganu dalam kajian ini menyedari bahawa sistem politik yang mengutamakan kaum lelaki menjadi halangan utama kepada wanita untuk melibatkan diri dalam politik. Kepekaan kumpulan responden ini merupakan satu penemuan yang menarik dan perlu dilakukan kajian dengan lebih mendalam pada masa hadapan.

Selain daripada itu, perbezaan pendapat yang dipegang oleh wanita PAS dan wanita UMNO berhubung tentang hubungan gender dalam politik menunjukkan keyakinan atau pegangan politik wanita masih boleh dibahaskan. Ianya bersifat kontroversial dan tidak muktamad berdasarkan kepada kedudukan serta kemahuan wanita itu sendiri di dalam parti dan politik.

Jelasnya perbincangan mengenai hubungan gender dalam politik tidak akan habis diperdebatkan. Untuk mewujudkan hubungan gender yang seimbang, apa yang perlu dilakukan ialah mengubah pandangan atau minda masyarakat tentang peranan yang perlu dimainkan oleh wanita dalam masyarakat. Untuk mengubah persepsi dan budaya masyarakat terutama kaum lelaki adalah sesuatu yang sukar. Justeru itu, ia hanya boleh dibuat sekiranya masyarakat memberi laluan kepada pembentukan semula hubungan gender dengan membuang segala prasangka terhadap kebolehan wanita sebagai seorang individu yang berkemampuan. Seruan kepada pembentukan semula hubungan gender ini dibuat bukan di atas dasar untuk menuntut pengiktirafan yang sama taraf dengan kaum lelaki, tetapi ianya lebih menjurus kepada perjuangan untuk menuntut keadilan dan persamarataan hak. Pada masa yang sama, '*reshaping of gender relations*' perlu dibuat

tanpa merobek norma-norma masyarakat Melayu yang unik dan tersendiri serta berlandaskan kepada Islam.

Hari ini, walaupun telah ramai kaum wanita diangkat untuk memegang jawatan yang dulunya hak milik kaum lelaki tetapi diharap perlantikan ini bukan sekadar untuk menutup kebangkitan kaum wanita atau *gender quake*. Sebaliknya biarlah ia menjadi satu detik permulaan kepada perubahan pemikiran masyarakat mengenai hubungan gender sama ada identiti gender atau struktur hubungan antara wanita dan lelaki. Perkembangan *gender quake* dan *gender crossing* ini haruslah dilihat sebagai satu perubahan positif dalam masyarakat Melayu yang memberi penafsiran baru terhadap hubungan di antara lelaki dan wanita. Ini supaya suasana yang harmoni wujud apabila kaum wanita membanjiri ruangan awam dan menuntut persamaan hak berasaskan kepada kebolehan mereka yang tersendiri. Apa yang perlu ditekankan di sini ialah wanita bukan menuntut persamaan dalam semua perkara tetapi sekadar mencari keadilan berdasarkan kepada keperluan dan peranan mereka sebagai sebahagian tenaga kerja masyarakat yang aktif sepetimana kaum lelaki.